



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2025

### FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

---

**KETUA PTJ :**

**KETUA UNIT KUALITI :**

**PENYELARAS :**

NURUL NADIAH BINTI SHAHUDIN

**PENULIS :**

1. NOORSALISSA BINTI SAEDAN
2. SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID
3. NURUL NADIAH BINTI SHAHUDIN
4. NURUL NADIAH BINTI SHAHUDIN
5. RAJA MOHAMMED FIRHAD BIN RAJA AZIDIN
6. RAJA MOHAMMED FIRHAD BIN RAJA AZIDIN
7. MOHD ZULKHAIRI BIN MOHD AZAM

8. HOSNI BIN HASAN
9. SITI AISHAH BINTI WAHAB
10. MOHD HANIFA BIN SARIMAN
11. AZLINA BT ZID
12. RAIHANA BINTI SHARIR
13. MAISARAH BINTI SHARI
14. RADIN RAFEEUDDIN BIN RADIN DZULFAKAR
15. ANG GEIK YONG
16. NORAINI BINTI MANSOR
17. RAZALI BIN MOHAMED SALLEH @ ZAINAL
18. NORIDAH BINTI ABU BAKAR
19. MOHD HAIDIR BIN MOHD YUSOF
20. CASSENDRA ANAK GILBERT
21. MAHENDERAN APPUKUTTY
22. MAIZAN BT HAJI MOHD NOR
23. NUR ASMIDAR BINTI A HALIM
24. MOHD NOORAZLAN BIN AB. AZIZ
25. SYAHIDA BINTI MOHD NAZRI
26. SAIDATUL NUR SYUHADAH BINTI MOHAMED SABADRI
27. MUHAMMAD ZAKWAN RUSYDI BIN SUHAIMI
28. NUR SYAZWANI ZULAIKHA BINTI SAFWAN
29. ZARINA BINTI ZAINAL ABIDIN
30. SHARIFAH SURIYANI BINTI SYED RADZWAN
31. MOHD HARITH RIZAL BIN AHMAD ZAHARI
32. FARIDAH BINTI ARUDIN
33. HAZIRAH BINTI MOHD
34. NUR NADHIRAH BINTI ZULKEFLI

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Barisan kepimpinan yang berwibawa dan berkualiti adalah kunci utama kepada kejayaan organisasi. Kepimpinan FSR yang efektif dan efisien dapat merealisasikan objektif, visi, dan misi yang telah ditetapkan sekaligus menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang. Oleh itu, kepimpinan yang mampan mampu memimpin dan mendorong warga FSR bekerja ke arah pencapaian matlamat utama FSR selaras dengan visi dan misi utama UiTM untuk menjadikan UiTM sebagai Universiti Terkemuka di Peringkat Global menjelang tahun 2025 (GRU 2025). Perancangan strategik 2021-2025 adalah asas utama yang digunakan oleh kepimpinan FSR untuk merancang aktiviti dan program akademik yang mensasarkan kecemerlangan proses PdP di FSR. Barisan kepimpinan FSR ditadbir oleh Dekan iaitu Profesor Madya Dr Raja Mohammed Firhad Bin Raja Azidin dan dibantu oleh Timbalan Dekan Akademik (HEA), Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Kepimpinan FSR sentiasa merancang proses PdP FSR selari dengan dasar Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, dasar perancangan strategik UiTM dan juga Fakulti bagi memastikan FSR melahirkan graduan yang holistik dan proaktif. Kaedah PDCA, Merancang (Plan), Melaksanakan (Do), Memantau (Check) dan Tindakan penambahbaikan (Action) digunakan dalam meningkatkan prestasi FSR secara menyeluruh dan berterusan. Tindakan pertama yang dilaksanakan oleh kepimpinan FSR adalah dengan menghasilkan pelan perancangan strategik fakulti bersama Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan Penyelaras Perancangan Strategik fakulti didalam bengkel yang diadakan pada awal tahun.

Pelan pelaksanaan PdP di FSR adalah berlandaskan visi, misi dan objektif kualiti FSR. Hubungan kolaborasi bersama pemegang taruh (pelajar, staf, alumni dan agensi luar) ditekankan bagi memastikan ketampakan FSR diperingkat global. Penglibatan alumni FSR dalam penyampaian PdP, pembangunan dan pemantauan program di FSR. Pihak kepimpinan FSR juga menitikberatkan kaedah pengajaran para pensyarah dengan memberi galakan dan pembiayaan penglibatan para pensyarah dalam pelbagai pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa supaya proses PdP dapat dijalankan secara interaktif dan kreatif.

Kepimpinan FSR terutama Timbalan Dekan Akademik menitikberatkan proses pemantauan PdP di FSR. Komunikasi dua hala diadakan bagi proses pemantauan melalui beberapa mesyuarat: Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FSR, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan. Proses pemantauan ini bertujuan untuk memastikan FSR dapat mencapai prestasi yang telah disasarkan. Hasil dapatan daripada proses pemantauan, kepimpinan FSR mengambil tindakan proaktif dalam memastikan tindakan penambahbaikan disusun agar mencapai objektif PdP yang telah ditetapkan.

Selain itu, proses pemantauan ini juga berfungsi sebagai satu sistem maklum balas yang dinamik, di mana dapatan daripada sesi pemantauan akan dianalisis secara menyeluruh bagi mengenal pasti jurang prestasi, kelemahan serta peluang penambahbaikan. Kepimpinan FSR mengambil pendekatan proaktif dengan segera menyusun tindakan susulan berdasarkan hasil dapatan tersebut, termasuk pelaksanaan strategi intervensi, bengkel pengukuhan pengajaran, atau penstrukturan semula pendekatan PdP jika perlu. Tindakan-tindakan ini bukan sahaja bertujuan untuk memperbaiki kelemahan yang dikenalpasti, tetapi juga untuk memastikan fakulti sentiasa berdaya saing dan responsif terhadap keperluan semasa serta standard akreditasi yang ditetapkan oleh badan profesional. Secara tidak langsung, usaha ini juga mencerminkan komitmen berterusan FSR dalam menjadikan PdP sebagai satu proses yang berkualiti tinggi, berpusatkan pelajar, dan sentiasa berkembang mengikut perubahan landskap pendidikan tinggi.



## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bersandarkan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor UiTM 2024 yang disampaikan oleh Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin pada 9 Februari 2024 dimana menekankan tema *Globally Renowned, Locally Rooted University*, hala tuju FSR adalah berteraskan kepada hala tuju UiTM dimana tertumpu kepada *Globally Marketable* yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah menjadi Universiti Terkemuka Dunia pada tahun 2025, seterusnya membentuk Malaysia Madani. Konsep Kebolehpasaran Global ini berkait rapat dengan kemampuan warga UiTM iaitu staf dan pelajar, untuk menarik perhatian global menerusi pelbagai inisiatif antarabangsa yang giat dijalankan pada 2022. Pada tahun 2023, kepimpinan FSR mengembling tenaga dalam mengukuhkan lagi nama FSR dengan memperkasakan kebolehpasaran warga FSR yang akan meningkatkan ketampakan FSR.

Pada bulan Januari 2024, kepimpinan kanan FSR diterajui oleh Professor Madya Dy Raja Mohammed Firhad Raja Azidin, bersama Timbalan Dekan Akademik, Dr Shariman Ismadi Ismail merupakan individu penting dalam melonjakkan kecemerlangan bidang tumpuan PdP di FSR. Barisan kepimpinan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dibantu oleh seorang Pendaftar Akademik, tiga orang Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan empat orang Koordinator Program (KP), setiap bidang tugas dan peranan telah nyata dijelaskan di dalam surat lantikan untuk memperkasakan proses PdP.

Barisan kepimpinan FSR menyediakan persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif untuk memacu kecemerlangan dengan memperuntukkan bajet, menyediakan sumber, serta fasiliti yang mencukupi untuk staf akademik dan pelajar untuk proses PdP. Ini bertujuan memastikan mereka memiliki kemahiran yang kompeten dan bakat yang cemerlang.

Kolaborasi bersama institusi dan agensi luar dimeterai melalui MoU dan MoA dalam mempertingkatkan perkongisan ilmu bersama pihak industri. Hasil sokongan kepimpinan FSR ini, pensyarah FSR sentiasa komited dalam mempelbagaikan kaedah PdP secara interaktif dan kreatif dengan menyertai pelbagai pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_K01\\_KB02\\_20251\\_CARTA ORGANISASI TERKINI \(17122024\).pdf](#)
2. [F0047\\_K01\\_KB02\\_20252\\_Perlantikan TDA\\_Dr Shariman.pdf](#)
- 3.
- 4.
5. [F0047\\_K01\\_KB02\\_20255\\_F0047\\_K01\\_KB02\\_20245\\_Objective Kualiti.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan PTJ memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan objektif and melaksanakan beberapa strategik. Pengurusan kanan PTJ ialah Kumpulan pegawai kanan yang bertanggungjawab dalam membuat Keputusan strategik, menyelia pelaksanaan dasar, dan memastikan hala tuju serta objektif PTJ dicapai dengan berkesan.

Pertama, penyelarasan strategik adalah pelan Tindakan tahunan PTJ dengan Pelan Strategik Universiti. Objektif ditetapkan secara jelas mengikut bidang tumpuan yang dipilih, contohnya dalam bidang penyelidikan, fokus diberikan kepada peningkatan penerbitan berindeks dan geran penyelidikan.

Kedua, pemantauan dan penilaian prestasi adalah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang relevan dan melaksanakan pemantauan berkala dan audit dalaman untuk menilai keberkesanan pelaksanaan. KPI boleh dilihat melalui system MyATP (untuk individual), manakala KPI fakulti boleh dilihat melalui system Prime, Sulam, Star Rating.

Ketiga, pembangunan sumber manusia adalah melaksanakan latihan dan bengkel untuk meningkatkan keupayaan staf. Latihan dan bengkel seperti TalentHub, bengkel webinar, dan bengkel/latihan anjuran ILD.

Keempat, pengukuhkan budaya kerja berprestasi tinggi untuk pencapaian hasil, inovasi dan akauntabiliti. Inovasi mewujudkan persekitaran kerja yang terbuka kepada idea baharu, kreativiti dan penyelesaian inovatif. Akautabiliti menekankan tanggungjawab terhadap tugas yang diberi serta kesedaran terhadap implikasi kegagalan melaksanakannya.

Kelima, kerjasama strategik adalah menjalin kerjasama dengan pihak industri, agensi kerajaan dan rakan akademik dalam dan luar negara untuk menyokong pelaksanaan strategi yang dipilih seperti pengantarabangsaan atau pemindahan ilmu. FSR mempunyai beberapa MoU/MoA bersama industri. Contohnya, Yakult, MSP, dan ISN.

Keenam, program akademik FSR menjadi tumpuan kepimpinan FSR dengan penyebarluasan program akademik melalui Misi Akademik, Ekspo Selangkah, promosi bersasar secara fizikal dan maya, media dan brosur. Ketampakan program akademik disebarluas melalui pelantikan Profesor Kontrak Bukan Warganegara (Profesor Oleksandr Krasilshchikov) dalam memantapkan sesi perkongsian bersama pelajar-pelajar FSR. Pengajaran secara kolaboratif diteruskan antara pensyarah, kampus cawangan, universiti dan industri. Ini memberi ruang kerjasama dengan profesional dan pakar runding yang bertauliah dalam bidang yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, kualiti PdP meningkat baik dalam menghasilkan modal insan yang berkualiti serta berkemahiran tinggi dalam memenuhi kehendak keperluan industri. Kepimpinan kanan mendokong aspirasi pengajaran kolaboratif dengan perlantikan wakil fakulti dalam menguruskan urusan pelaksanaan pengajaran kolaboratif pensyarah FSR.

KPP dan KP menyusun Amanah Tugas Akademik (ATA) dan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) mengikut kepakaran setiap pensyarah. Pengagihan ATA dan ATP yang strategik telah menyumbang secara signifikan kepada peningkatan jumlah kemasukan pelajar ke FSR melebihi sasaran yang ditetapkan. Malah, peratusan pelajar yang memperoleh 5A dalam SPM dan memilih untuk mendaftar di FSR turut meningkat kepada 9.4%, melepasi sasaran asal sebanyak 5%.

Sehubungan itu, kepimpinan kanan FSR terus menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan kelengkapan sumber bagi menyokong kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Antara inisiatif yang telah diluluskan termasuklah pembelian peralatan PdP bagi makmal Prestasi Manusia dan makmal Rekreasi Luar, sebagai usaha memperkukuh dan memperkasakan pelaksanaan aktiviti PdP di FSR.

- 
1. [F0047\\_K01\\_KB03\\_20251\\_F0047\\_K01\\_KB03\\_20241\\_TADBIR URUS PENGURUSAN AKADEMIK.pdf](#)
  2. [F0047\\_K01\\_KB03\\_20252\\_F0047\\_K01\\_KB03\\_20242\\_Bilangan staf akademik dan pentadbiran FSR 2023 \(2\)-1.pdf](#)
  3. [F0047\\_K01\\_KB03\\_20253\\_F0047\\_K01\\_KB03\\_20243\\_Pekeliling Akademik - 2016 - 03 - Garis Panduan Tugas & Tanggungjawab Pentadbir Akademik \(3\).pdf](#)
  4. [F0047\\_K01\\_KB03\\_20254\\_F0047\\_K01\\_KB03\\_20244\\_Appointment As Profesor - Prof. Dr. Oleksandr.pdf](#)
  5. [F0047\\_K01\\_KB03\\_20255\\_BAJET PEMBANGUNAN DAN NAIK TARAF PRASARANA.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan perancangan kepimpinan mencapai sasaran prestasi (PI) yang telah ditetapkan, kepimpinan kanan FSR telah melaksanakan pelan pemantauan yang sistematik dan menyeluruh. Pemantauan dijalankan secara berkala melalui pelbagai mesyuarat strategik termasuk Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Fakulti (MPT), Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), serta Mesyuarat Perancangan Strategik. Agenda utama dalam mesyuarat-mesyuarat ini adalah penilaian pencapaian indikator utama dan tindakan penambahbaikan secara berterusan, selari dengan prinsip *accountability* dan *risk management*.

Kepimpinan juga memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran FSR yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Akademik. Jawatankuasa ini memantau pelaksanaan PdP pensyarah, kesediaan pelajar serta keupayaan tenaga pengajar mempelbagaikan kaedah PdP. Data pemantauan diperolehi melalui pelbagai instrumen seperti **Entrance-Exit Survey**, **Student Feedback Online (SuFO)**, **PRO-PENS**, **TESA**, **Teaching Effectiveness Index (TEX)** dan **MyATP**. Kesemua maklumat ini dianalisis dan dibenteng secara inklusif dalam mesyuarat JAF bagi menjamin ketelusan dan tindakan susulan yang bersesuaian.

Selain itu, pelaksanaan **Outcome-Based Education (OBE)** turut dipantau melalui amalan *Closing the Loop (CDL)* sebagai sebahagian daripada proses **Continuous Quality Improvement (CQI)**. Pelaporan CDL-CQI dikaji secara terperinci dalam JAF untuk memastikan semua tindakan penambahbaikan diselaraskan dengan objektif strategik PTj.

Bagi memperkukuh elemen komunikasi dua hala dan *engagement* dengan pelanggan, satu sistem maklum balas melalui kod QR di kaunter BHEA FSR telah diwujudkan. Maklumat aduan dan cadangan yang diterima dianalisis dan dibentangkan dalam MKSP sebagai bukti tindakan pemantauan responsif dan berorientasikan pelanggan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20251\\_BUKTI 1 minit mesyuarat Pengurusan Tertinggi Fakulti - Perancangan Strategik bil 1\\_2024.pdf](#)
2. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20252\\_BUKTI 2 minit JAF Bil 4\\_2024; JKAPS Bil 6\\_2024.pdf](#)
3. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20253\\_BUKTI 3 minit mesyuarat Perancangan Strategik bil 1\\_2024.pdf](#)
4. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20254\\_BUKTI 4 minit MKSP bil 1\\_2024.pdf](#)
5. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20255\\_BUKTI 5 Invitation\\_JEMPUTAN MESYUARAT PROPENS SESI 20244 dan Laporan Ringkas TEX dan PROPENS.pdf](#)

### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan risiko yang tepat merupakan aspek penting untuk memastikan FSR dapat berfungsi secara efisien dan efektif. Kepimpinan FSR sentiasa komited dalam mengendalikan risiko diperingkat awal untuk mengelak dari kegagalan fungsi dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemilik Risiko yang dipengerusi oleh Dekan FSR. Tindakan kawalan risiko dilaksanakan dengan sistematik melalui proses mengenal pasti risiko, jenis risiko, menilai, impak dan proses mitigasi yang efisien. Kempimpinan FSR akan memastikan setiap pemegang taruh menyertai dalam tindakan kawalan risiko, mendaftar risiko serta menyediakan pelan halatuju pengurusan risiko yang dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko dan MKSP secara berperingkat.

Proses pengurusan risiko di FSR bermula dengan pengenalanpastian punca risiko serta pendaftaran risiko oleh pegawai yang bertanggungjawab di dalam sistem pengurusan risiko iaitu Electronic Records Management System (e-RMS). Seterusnya proses kemaskini dan analisa daftar risiko dilakukan untuk menentukan tahap impak risiko mengikut kategori, dimana empat kategori tahap impak risiko ditentukan seperti rendah, sederhana, tinggi dan extreme. Setelah tindakan pencegahan dilaksanakan, pegawai yang bertanggungjawab akan membuat pelaporan dengan menggunakan sistem e-RMS untuk merekod status tindakan pencegahan yang telah dilakukan seperti tarikh siap dan tarikh disemak. Pada tahun 2023, terdapat 3 risiko yang didaftarkan dalam sistem e-RMS dan pada tahun berikutnya terdapat satu risiko yang telah didaftarkan. Seterusnya, satu mesyuarat telah diadakan pada tahun 2025 untuk menangani risiko berkaitan fasiliti pengajaran dan pembelajaran.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20251\\_BUKTI 1. LANTIKAN\\_AJK\\_RISIKO\\_2025.pdf](#)
2. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20252\\_BUKTI 2. DAFTAR\\_RISIKO\\_EMS.pdf](#)
3. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20253\\_BUKTI 3. MINIT\\_RISIKO\\_BIL\\_12024.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 1.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) sentiasa memastikan setiap proses kerja yang telah ditambah baik dinilai dari segi tahap risiko melalui kajian semula dan tindakan pembetulan, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan perancangan strategik serta operasi FSR.

Kajian semula pengurusan dilaksanakan melalui saluran mesyuarat rasmi yang dipengerusikan oleh Dekan, meliputi:

- **Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FSR (MPT)** – diadakan setiap dua bulan.
- **Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** – diadakan setiap dua bulan.
- **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** – diadakan sekali setahun.
- **Mesyuarat Akademik** – diadakan pada awal setiap semester.

Melalui mesyuarat ini, kepimpinan FSR dapat mengenal pasti aktiviti penambahbaikan yang relevan dengan pelaksanaan program dalam bidang tumpuan fakulti.

Selain mesyuarat rasmi, kepimpinan FSR turut menggunakan platform komunikasi seperti **e-mel rasmi UiTM, aplikasi WhatsApp, laman sesawang rasmi, dan soal selidik kepuasan pelanggan** bagi mendapatkan maklum balas daripada seluruh warga FSR.

Tindakan penambahbaikan turut dilaksanakan berdasarkan analisis **tren pencapaian prestasi**. Analisis ini membantu mengenal pasti tindakan susulan yang perlu diambil. Laporan daripada **Audit Dalam, dan Audit Bahagian Pentaksiran serta Penilaian Akademik** juga menjadi sumber penting dalam kajian semula dan penambahbaikan.

Hasil penemuan audit akan dianalisis dan dibentangkan kepada kepimpinan FSR dalam MKSP. Seterusnya, **Ketua Pusat Pengajian (KPP)** akan menyampaikan maklumat tersebut kepada staf di bahagian masing-masing bagi memastikan tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan secara efisien.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20251\\_AGENDA MKSP FSR BIL 1\\_2024.pdf](#)
2. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20252\\_LAPORAN AUDIT iQMS KITARAN 7 TAHUN 2025\\_FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI.pdf](#)
3. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20253\\_Laporan Hasil Audit Dalam Bil.1 2024.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi di FSR (Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi) merupakan satu pendekatan strategik yang menekankan penyatuan semua warga fakulti melalui pemuafakatan bagi memastikan setiap pihak bergerak seiring dalam mencapai petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan. Kepimpinan FSR mengamalkan konsep kepimpinan melalui teladan, di mana pemimpin menunjukkan contoh terbaik dalam menerajui inisiatif strategik dan pencapaian objektif fakulti. PI yang dirangka untuk setiap bahagian adalah jelas, terarah, dan realistik, disertakan dengan pelan tindakan terperinci, inovasi berasaskan teknologi, intervensi pedagogi terkini, dan langkah mitigasi bagi mengatasi sebarang kekangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelaksanaan PI ini dijalankan dalam tiga fasa utama iaitu penerimaan, perancangan melalui penyediaan Strategic Action Plan (SAP), dan fasa pemurnian SAP bagi memastikan keselarasan serta keberkesanan pelaksanaan. Ketekunan dalam proses ini membolehkan setiap bahagian bergerak ke arah matlamat bersama secara sistematik dan bersinergi, sekali gus meningkatkan tahap kecemerlangan fakulti bukan sahaja di peringkat nasional, tetapi juga antarabangsa. Inisiatif ini memperlihatkan bagaimana integrasi bukan sahaja bersifat mekanikal, malah membentuk budaya kerja kolektif yang inklusif dan berteraskan hasil.

Selain penekanan terhadap PI, kepimpinan FSR turut memberikan tumpuan khusus kepada aspek profesionalisme dalam pengurusan PdP dengan memastikan pematuhan kepada garis panduan audit dalaman dan luaran. Semakan audit dijadikan sebagai peluang pembelajaran dan bukannya sekadar proses pemantauan, di mana teguran serta cadangan penambahbaikan diterima dengan terbuka serta disebarluaskan kepada semua warga fakulti untuk tindakan susulan. Pendekatan ini menonjolkan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi dalam tadbir urus fakulti, selaras dengan amalan pengurusan berkualiti. Budaya profesionalisme ini juga diterapkan dalam kalangan staf akademik dan pentadbiran bagi memastikan proses PdP sentiasa berada pada tahap optimum dan mematuhi standard akreditasi. Selanjutnya, untuk memperkukuh kedudukan FSR dalam arena global, pelbagai usaha kolaboratif telah dijalankan melalui pemeteraian Perjanjian Memorandum Usahama (MoU) bersama institusi pengajian tinggi dan industri luar negara. Kerjasama ini membuka ruang kepada pemindahan ilmu, penyelidikan bersama, serta pembangunan bakat staf dan pelajar. Ini bukan sahaja meningkatkan reputasi FSR, tetapi juga memastikan graduan yang dihasilkan memiliki kemahiran, pengetahuan, dan kebolehpasaran yang tinggi untuk berdepan dengan cabaran serta keperluan pasaran kerja masa hadapan yang semakin kompetitif dan dinamik.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_K01\\_KB05\\_20251\\_PELAN STRATEGIK HEA FSR 2024 AKNC.pdf](#)
2. [F0047\\_K01\\_KB05\\_20252\\_Pi Achievement Report UiTM 2025 FY2024 - 12 \(6\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan Strategik Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) 2024 bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah dirangka berkonsepkan perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act) sebagai usaha untuk memastikan setiap pelaksanaan inisiatif dan projek mencapai objektif yang ditetapkan. Perancangan strategik PdP telah dirangka berdasarkan objektif dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan oleh Pejabat Transformasi Universiti (PTU) yang bertemakan UiTM Global Renowned University 2020-2025 (GRU 2020-2025). Inisiatif ini dimulai dengan pembentukan Pelan Tindakan Strategik (SAP) melalui Bengkel Perancangan Strategik yang diadakan pada 23-24 Januari 2024 di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Bandar Enstek, Negeri Sembilan yang dihadiri ahli-ahli Pengurusan Eksekutif dan Pentadbir Akademik Fakulti. SAP yang telah dibentuk telah dimaklum dan dikongsi bersama seluruh warga FSR melalui program Amanat Dekan 2024 yang diadakan pada 15 Februari 2024 di FSR.

Bagi pelaksanaan (Do) inisiatif strategik PdP, tiga projek teras iaitu FSR@GOING GLOBAL, FSR@ACADEMIC EXCELLENCE, FSR@POSTGRAD EXCELLENCE telah didaftarkan sebagai SAP di dalam sistem UiSMS. Projek FSR@GOING GLOBAL dimulakan berteraskan inisiatif yang dipersetujui melalui MOU/MOA yang telah dilaksanakan di antara UiTM dan Institusi-institusi antarabangsa. Projek ini merupakan payung kepada pelbagai aktiviti jaringan antarabangsa yang melibatkan aktiviti-aktiviti berteraskan khidmat masyarakat antarabangsa berkredit (SULAM) dan pertukaran pelajar di antara FSR dan institusi luar negara di samping mewujudkan kolaborasi dan MOU/MOA baharu. FSR@GOING GLOBAL bertujuan menampakkan FSR sebagai Globally Respected dalam bidang sains sukan dan pengurusan sukan serta dapat melahirkan pelajar dan graduan berfikiran dan kebolehpasaran global. Dalam konteks pencapaian, semua projek FSR@GOING GLOBAL telah berjaya dilaksanakan (SAP 100%) dan mencapai KPI dengan petunjuk prestasi penuh (PI 100%).

FSR@ACADEMIC EXCELLENCE pula merupakan projek teras bagi meggerakkan inisiatif untuk menghasilkan mutu PdP berkualiti tinggi, kelestarian ilmu dan graduan yang kompetan. Antara strategik utama dalam projek ini adalah memastikan peratusan bergraduan dalam tempoh (GOT), pembentukan kursus-kursus atas talian (MOOC) dan micro-credential mencapai sasaran yang ditetapkan. Pelbagai inisiatif telah berjaya dilaksanakan (SAP 100%) bagi mencapai PI 100% dan hasilnya KPI berjaya tercapai.

Bagi inisiatif FSR@POSTGRAD EXCELLENCE pula, FSR menumpukan usaha untuk meningkatkan enrolmen pelajar pascasiswazah tempatan dan antarabangsa dengan inisiatif menyediakan maklumat berkualiti berkenaan program pascasiswazah dan kepakaran penyelidikan berkaitan. Inisiatif mewujudkan rangkaian dengan universiti-universiti terkemuka dunia dan pakar-pakar antarabangsa juga dilaksanakan untuk menarik minat calon-calon untuk mendaftar. Hasilnya, FSR telah berjaya mencapai 100% sasaran enrolmen pelajar PhD tempatan, manakala enrolmen pelajar sarjana tempatan dan antarabangsa hampir mencapai 50% sasaran.

Dalam menjalankan pelbagai inisiatif, terdapat pelbagai halangan dan risiko pencapaian. Antara kekangan utama FSR bagi menjayakan pelbagai inisiatif adalah peruntukan kewangan yang terhad. Dengan budget yang terhad Bagi PI yang tak tercapai, langkah-langkah mitigasi telah dilaksanakan.

Pencapaian PI FSR secara keseluruhan pada 2024 adalah 79.6% (5 bintang), pencapaian ini disumbangkan oleh PI PdP (HEA FSR) sebanyak 88.4%, suatu petunjuk peningkatan pencapaian PdP melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun tersebut. Pencapaian baik ini juga memberi semangat kepada staf FSR untuk melakukan pelbagai inisiatif yang lebih baik pada tahun-tahun berikutnya demi mencapai prestasi yang lebih unggul buat FSR dan menjayakan misi UiTM sebagai GRU.



## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan strategik Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) 2024 adalah berdasarkan kepada objektif yang ditetapkan oleh Pejabat Transformasi Universiti (PTU) di mana PTU telah menetapkan sepuluh petunjuk prestasi (PI) yang perlu dicapai oleh FSR pada tahun tersebut. Bagi memenuhi aspirasi universiti menjadikan UiTM sebagai Global Renowned University (GRU) 2020-2025 yang bertemakan Globally Respected pada 2024, maka FSR memulakan langkah dengan merangka pelan strategik dan tindakan yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Justeru Bengkel Perancangan Strategik yang diadakan pada 23-24 Januari 2024 di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM (Bukti 1), dengan kehadiran ahli-ahli Pengurusan Eksekutif dan Pentadbir Akademik FSR, dijalankan bagi membentuk Pelan Tindakan Strategik (SAP) sebagai inisiatif awal.

Tiga projek teras iaitu FSR@GOING GLOBAL, FSR@ACADEMIC EXCELLENCE dan FSR@POSTGRAD EXCELLENCE telah didaftarkan sebagai SAP PdP di dalam sistem UiSMS, PTU (Bukti 2). Ketiga-tiga projek ini secara umumnya bertujuan memperkukuh kecemerlangan akademik, meningkatkan kualiti PdP, memperluas keterlihatan antarabangsa, serta memperkukuh pengajian pascasiswazah berteraskan amalan terbaik global. Secara khususnya, FSR@GOING GLOBAL merupakan inisiatif meningkatkan jaringan antarabangsa melalui mobiliti akademik, kerjasama penyelidikan serta pengiktirafan program di peringkat global. FSR@ACADEMIC EXCELLENCE dilaksanakan untuk memberi fokus kepada inovasi PdP, pembangunan modul berimpak tinggi, integrasi teknologi digital, serta peningkatan kualiti pengajaran selaras dengan piawaian akreditasi. Manakala FSR@POSTGRAD EXCELLENCE – menekankan kepada peluasan enrolmen pelajar pascasiswazah, peningkatan kadar penyeliaan berkualiti, penerbitan berimpak tinggi, serta penyediaan ekosistem pembelajaran berdaya saing. Bagi memastikan keterangkuman dan penyebaran maklumat, pelan strategik dan SAP PdP telah dikongsi bersama seluruh warga FSR melalui Program Amanat Dekan 2024 yang diadakan pada 15 Februari 2024 (Bukti 3).

Ketiga-tiga projek teras PdP diketuai oleh Timbalan Dekan Akademik (TDA) sebagai Ketua Projek, diurus oleh Ketua-ketua Pusat Pengajian (KPP) dan Koordinator akademik, dan dilaksana bersama semua staf berkaitan (Bukti 2). Pendekatan ini menekankan konsep penyertaan menyeluruh (inclusive participation), di mana setiap staf akademik dan pentadbiran memainkan peranan dalam menjayakan agenda strategik fakulti.

Untuk memastikan pelaksanaan SAP PdP mencapai objektif, pendekatan yang dilakukan termasuk menggabungkan perancangan berasaskan data, penglibatan kepimpinan, pelaksanaan projek berfokus, serta mekanisme pemantauan berstruktur. Pentadbir akademik memastikan...

Ia dijangka mampu memacu pencapaian objektif PdP fakulti sekaligus menyumbang kepada visi universiti sebagai institusi bertaraf antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20251\\_Bengkel Perancangan Strategik dan SAP 2024.pdf](#)
2. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20252\\_List of Project SAP 2024 - UiSMS.pdf](#)
3. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20253\\_AMANAT DEKAN FSR 2024 BERSAMA WARGA FSR \(SHAH ALAM DAN KAMPUS CAWANGAN\).pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan PTJ telah menggerakkan pelaksanaan objektif serta inisiatif strategik yang dirangka dengan teliti bagi memastikan kejayaan dalam bidang tumpuan yang telah dikenal pasti. Setiap Petunjuk Prestasi (PI) yang diselaraskan daripada Perancangan Strategik UiTM dijadikan penanda aras utama bagi menilai tahap pencapaian objektif tersebut. Dalam proses ini, Sasaran Prestasi (SAP) berperanan sebagai dokumen rujukan yang penting, bukan sahaja untuk mengukur pencapaian PI, malah turut menilai keberkesanan pengurusan kos operasi dan mengenal pasti risiko yang berpotensi dihadapi oleh setiap projek (Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 5(a)).

Bagi mencapai visi Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi sebagai pusat penghasilan modal insan pendidik yang unggul di peringkat negara, kepimpinan fakulti menitikberatkan aspek komunikasi dalaman yang efisien. Segala perkembangan berkaitan pelaksanaan projek dan inisiatif strategik disampaikan melalui pelbagai medium seperti emel rasmi, kumpulan WhatsApp, serta mesyuarat formal seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) (Rujuk BUKTI 2: Kumpulan Whatsapp/MPTF2024).

Pihak pengurusan tertinggi — merangkumi dekan, timbalan dekan, dan ketua program — memainkan peranan penting sebagai penggerak utama yang memastikan pelaksanaan PI berjalan mengikut perancangan. Setiap ahli staf diberikan peranan dan tanggungjawab yang jelas, sejajar dengan matlamat strategik fakulti.

Selain komunikasi dalaman, fakulti turut memastikan pencapaian dan projek yang berjaya dilaksanakan dihebahkan secara meluas kepada khalayak luar. Maklumat ini disalurkan menerusi pelbagai saluran media rasmi seperti Facebook Fakulti ([https://www.facebook.com/fsrspportrec/?locale=ms\\_MY](https://www.facebook.com/fsrspportrec/?locale=ms_MY)) dan laman web rasmi fakulti (<https://sports.uitm.edu.my/v2/>) (Rujuk BUKTI 3: Facebook/Laman web FSR). Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan kesedaran dalam kalangan warga fakulti, malah meningkatkan keyakinan rakan strategik, pihak industri, komuniti, dan masyarakat terhadap komitmen fakulti dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Dengan cara ini, fakulti berupaya mengekalkan reputasi cemerlang di peringkat UiTM dan memperkukuh kedudukannya di arena nasional serta global.

Strategi yang dilaksanakan telah membuahkan hasil yang membanggakan apabila Fakulti mencatatkan pencapaian 79.6% daripada keseluruhan PI yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bagi tahun 2024 (Rujuk BUKTI 4: Pencapaian PI 2024).

Walaupun berdepan dengan cabaran yang semakin kompleks, warga Fakulti berjaya mencapai prestasi cemerlang yang diiktiraf di peringkat universiti. Fakulti telah menerima enam anugerah daripada BTU dan Pejabat Naib Canselor dalam Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2024 (AKPU2024). Antara pengiktirafan yang diterima termasuk:

- Anugerah 5 Bintang PTJ
- Anugerah Lonjakan Prestasi SAP, Tempat Pertama (Kategori Kolej Pengajian/Fakulti)
- Sijil Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Kolej Pengajian/Fakulti)

Kejayaan ini jelas membuktikan kesungguhan Fakulti dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan PI dan projek yang dirancang (Rujuk BUKTI 5: AKPU2024), seterusnya mencerminkan komitmen teguh terhadap pencapaian matlamat strategik yang telah ditetapkan.

### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
2. [F0047\\_P01\\_PB03\\_20252\\_Kumpulan Whatsapp.MPTF2024.pdf](#)

3. [F0047\\_P01\\_PB03\\_20253\\_Facebook.Laman web FSR.pdf](#)
4. [F0047\\_P01\\_PB03\\_20254\\_Pencapaian PI FSR 2024.pdf](#)
5. [F0047\\_P01\\_PB03\\_20255\\_AKPU2024.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pelan pemantauan di FSR dilaksanakan secara berstruktur melalui mesyuarat bulanan yang dipengerusikan oleh Dekan dan peneraju setiap Pusat Pengajian (PI), selaras dengan hala tuju Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Sistem UePMO dan analitik Power BI digunakan sebagai platform utama untuk memantau skor PI secara masa nyata, mengenal pasti kelemahan, dan merancang intervensi segera. Fokus diberikan kepada pencapaian Strategic *Academic Plans* (SAP) dan Objektif Kualiti, terutamanya PI dengan pemberat skor 3 ke atas, bagi memastikan impak yang maksimum terhadap kecemerlangan PdP. Keberkesanan pelaksanaan terbukti melalui pencapaian seperti kejayaan pelajar di peringkat antarabangsa antaranya Anis Hannani Romzi yang meraih pingat emas di Kejohanan Remaja Dunia Persekutuan Boling Antarabangsa di Korea Selatan (18 Julai 2024) ([news.uitm.edu.my](https://news.uitm.edu.my)). Tidak ketinggalan jaguh angkat berat negara Mohamad Aniq Kasdan telah merangkul pingat emas kategori 61 kilogram (kg) di Kejohanan Angkat Berat Komanwel 2024. Ini menunjukkan hasil ekosistem pembelajaran di FSR mampu meningkatkan kecemerlangan prestasi pelajar dalam bidang akademik dan sukan. Tambahan, penganjuran program fakulti yang tersusun (*Sports Carnival 2.0, Program Prihatin Sukan*), ([sports.uitm.edu.my](https://sports.uitm.edu.my)) dan pengiktirafan staf akademik di peringkat fakulti serta antarabangsa contohnya, Profesor Madya Dr. Mohamad Nizam Mohamed Shapie yang menerima lima anugerah berprestij semasa Majlis Kecemerlangan FSR 2024 ([dewanmasyarakat.jendeladbp.my](https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my)) telah menjadi pemangkin untuk lebih cemerlang di masa hadapan. Hasil pemantauan ini digunakan sebagai input untuk mengkaji semula strategi pengajaran, meningkatkan kualiti kurikulum, dan mengurangkan risiko kegagalan pelaksanaan aktiviti strategik.

FSR mengamalkan pendekatan inklusif dengan melibatkan pelbagai kumpulan sasar termasuk pengurusan tertinggi, staf akademik, pentadbiran, pelajar, alumni, dan rakan industri dalam proses perancangan penambahbaikan. Maklum balas dikumpulkan melalui mesyuarat fakulti, sesi libat urus, bengkel semakan program, kajian kepuasan pelajar, serta kolaborasi dengan pihak industri dan komuniti sukan. Setiap kumpulan sasar diberi ruang untuk menyuarakan pandangan dan cadangan penambahbaikan yang kemudiannya dianalisis oleh pasukan peneraju PI dan pengurusan fakulti. Pendekatan ini memastikan perancangan strategik yang dilaksanakan bersifat menyeluruh, realistik, dan relevan dengan keperluan semasa. Ia juga membina rasa pemilikan bersama terhadap hala tuju fakulti, memudahkan pelaksanaan intervensi, serta memupuk budaya penambahbaikan berterusan yang selaras dengan matlamat UiTM sebagai universiti bertaraf global.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20251\\_Pautan\\_sistem\\_uisms.uitm.edu.my.pdf](#)
2. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20252\\_PSTU - DR RAZALI.pdf](#)
3. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20253\\_PI 2024 Achievement.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi telah mengenal pasti pelbagai risiko yang berpotensi memberi impak terhadap pelaksanaan perancangan strategik fakulti. Sehubungan itu, pihak Pengurusan Tertinggi PTJ telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pendekatan pengurusan risiko secara sistematik dan menyeluruh agar setiap risiko yang dikenal pasti dapat ditangani secara berkesan. Bagi memastikan pelaksanaan proses ini berjalan lancar, setiap ketua projek dikehendaki mengenal pasti dan mengkategorikan risiko yang berkaitan dengan inisiatif masing-masing. Proses ini dipantau secara teliti oleh Timbalan-Timbalan Dekan bagi memastikan semua risiko direkod, diperiksa dan dikemas kini menerusi sesi pemantauan secara berkala. Secara keseluruhan, pengurusan risiko dibahagikan kepada empat suku tempoh pelaksanaan, iaitu Januari–Mac, April–Jun, Julai–September dan Oktober–Disember (Rujuk Bukti 1: FSR Risk Mitigation).

Melalui pelaksanaan proses tersebut, fakulti telah berjaya mengenal pasti kategori risiko utama yang boleh menjejaskan pencapaian perancangan strategik serta pelaksanaan inisiatif projek. Penilaian risiko telah dijalankan menggunakan skala pemberat daripada (1) sangat rendah sehingga (5) sangat tinggi dengan mengambil kira tahap kemungkinan dan tahap impak terhadap Petunjuk Prestasi (PI) fakulti. Secara keseluruhannya, sebanyak 30 risiko telah direkodkan di bawah Pelan Strategik UiTM 2025 bagi Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (Rujuk Bukti 2: UiTM Strategic Plan 2025). Selaras dengan itu, satu Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah ditubuhkan bagi memastikan pemantauan dan pengurusan risiko dilaksanakan secara berterusan dan konsisten (Rujuk Bukti 3: Lantikan AJK Risiko 2025). Mesyuarat rasmi turut diadakan untuk membincangkan perkara-perkara berbangkit dan memastikan daftar risiko sentiasa dikemas kini dalam sistem ERMS (Rujuk Bukti 4: Minit Mesyuarat Risiko).

Sebagai contoh, bagi inisiatif Program Pertukaran Pelajar 2 Minggu, beberapa risiko utama telah dikenal pasti, antaranya kurang minat pelajar antarabangsa, hubungan kerjasama yang terhad dengan institusi luar negara serta tawaran aktiviti yang kurang menarik. Risiko ini dikategorikan sebagai sangat tinggi kerana boleh menjejaskan objektif strategik fakulti terutamanya dalam aspek pengantarabangsaan pelajar. Bagi mengurangkan impak risiko tersebut, fakulti telah melaksanakan beberapa langkah mitigasi termasuk mempergiat usaha promosi, memperkukuh jalinan kerjasama strategik dengan universiti antarabangsa serta memanfaatkan platform digital bagi memaparkan keunikan aktiviti yang ditawarkan.

Pendekatan menyeluruh ini membuktikan komitmen fakulti dalam memastikan setiap risiko diurus secara sistematik bagi menyokong kejayaan pelaksanaan perancangan strategik fakulti.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20251\\_PI 2024 FSR List PM\\_Risk\\_Mitigation.pdf](#)
2. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20252\\_UiTM2025 Strategic Plan - View Risk by Project.pdf](#)
3. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20253\\_lantikan AJK risiko 2025.pdf](#)
4. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20254\\_minis risiko bil 12024.pdf](#)
- 5.

### 2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil daripada penganalisaan perancangan strategik yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024, FSR telah mengenal pasti beberapa aspek yang perlu diberi perhatian untuk tujuan penambahbaikan berterusan. Proses kajian semula ini dilaksanakan secara menyeluruh melalui sesi libat urus, mesyuarat pengurusan, laporan pemantauan berkala, serta maklum balas daripada warga fakulti dan pihak berkepentingan.

Antara tindakan penambahbaikan yang telah diambil termasuklah menambah baik mekanisme penyelarasan projek agar lebih teratur dan sistematik, khususnya dari segi pengurusan masa, keutamaan tugas dan penggunaan sumber. Dalam menghadapi kekangan kewangan, fakulti telah memperkukuh strategi pengurusan bajet dengan memberi fokus kepada aktiviti berimpak tinggi serta mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada.

Selain itu, FSR turut meningkatkan integrasi teknologi digital dalam pelaksanaan inisiatif seperti penggunaan Google Drive, UiSMS dan platform atas talian lain bagi tujuan pemantauan, rekod serta perkongsian maklumat secara telus dan efisien. Langkah ini sejajar dengan aspirasi UiTM *SDG Greenation* yang menekankan kelestarian dan amalan mesra alam.

Bagi memastikan keberkesanan PdP, beberapa penambahbaikan turut dilakukan dalam aspek pembangunan kurikulum, termasuk pengukuhan kursus berasaskan *micro-credential* dan MOOC, di samping memperluaskan jaringan antarabangsa melalui MoU/MoA baharu untuk mempertingkatkan peluang mobiliti pelajar dan staf. Usaha ini juga disokong dengan strategi meningkatkan enrolmen pelajar pascasiswazah melalui promosi yang lebih agresif serta penawaran program yang relevan dengan keperluan industri.

Secara keseluruhan, kajian semula dan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan membolehkan FSR terus bergerak ke hadapan dengan lebih fokus, berdaya tahan dan kompetitif. Penambahbaikan ini bukan sahaja menyokong pencapaian sasaran KPI, tetapi juga memperkukuh kedudukan fakulti sebagai peneraju dalam bidang sains sukan dan rekreasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20251\\_2.3.6 Petikan Minit Mesyuarat JAF CDL CQI 20242.pdf](#)
2. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20252\\_Laporan Analisis Penambahbaikan Kualiti Berterusan Pelajar- CDL-CQI Sesi 20242.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan dan penambahbaikan perancangan strategik Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) sepanjang tahun 2024 telah membentuk tahap pembudayaan yang semakin kukuh dalam kalangan warga fakulti, khususnya berkaitan bidang tumpuan *Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)*. Melalui pendekatan berasaskan kitaran *Plan-Do-Check-Act (PDCA)*, pelbagai inisiatif strategik bukan sahaja berjaya dilaksanakan, malah mula diterima dan diamalkan secara menyeluruh oleh staf serta pelajar.

Budaya kerja berteraskan kecemerlangan akademik dapat dilihat melalui peningkatan kesedaran dan penglibatan staf dalam memastikan mutu PdP sentiasa ditambah baik. Inisiatif seperti pembangunan kursus *micro-credential*, MOOC, serta penggunaan teknologi digital telah menjadi amalan harian dalam penyampaian PdP, sekaligus memperlihatkan tahap integrasi yang tinggi antara dasar strategik fakulti dengan pelaksanaan di lapangan. Penggunaan platform digital seperti UiSMS, Google Drive, dan aplikasi pembelajaran atas talian lain bukan sahaja mempertingkatkan keberkesanan pemantauan dan pelaporan, malah mendukung agenda UiTM *SDG Greenation* melalui amalan kerja yang lebih lestari.

Dari sudut antarabangsa, projek **FSR@GOING GLOBAL** telah memperkukuh budaya jaringan global dalam kalangan staf dan pelajar. Mobiliti pelajar, khidmat masyarakat antarabangsa (SULAM), serta kolaborasi dengan universiti luar negara telah menanamkan nilai keterbukaan, kerjasama rentas budaya dan kebolehpasaran global yang kini menjadi aspirasi bersama warga fakulti. Graduan FSR bukan sahaja dibentuk dengan pengetahuan dan kemahiran teknikal, tetapi juga dengan kompetensi global yang relevan dengan pasaran kerja semasa.

Sementara itu, projek **FSR@ACADEMIC EXCELLENCE** telah menyemarakkan budaya kualiti akademik dengan penekanan terhadap kelestarian ilmu, keberkesanan PdP, serta peningkatan peratusan *Graduate on Time (GOT)*. Kejayaan ini menunjukkan bahawa penambahbaikan yang dilaksanakan bukan lagi bersifat ad hoc, tetapi telah menjadi norma dan amalan baik yang konsisten diamalkan di seluruh peringkat fakulti.

Bagi projek **FSR@POSTGRAD EXCELLENCE**, budaya penyelidikan dan pembangunan ilmu turut diperkasakan melalui usaha menarik minat pelajar pascasiswazah, sama ada tempatan mahupun antarabangsa. Pembudayaan ini dapat dilihat melalui peningkatan kesedaran dalam kalangan staf dan pelajar terhadap kepentingan penyelidikan, rangkaian antarabangsa, serta perkongsian kepakaran. Usaha ini telah menambahkan identiti fakulti sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan dalam bidang sains sukan dan rekreasi.

Secara keseluruhannya, integrasi hasil pelaksanaan dan penambahbaikan perancangan strategik FSR telah berjaya melahirkan budaya kerja yang lebih sistematik, kolaboratif dan berpaksikan prestasi. Amalan ini membentuk warga fakulti yang lebih bersedia menghadapi cabaran, inovatif dalam menyampaikan ilmu, serta berdaya saing di pentas global. Budaya ini seterusnya mengukuhkan kedudukan FSR sebagai peneraju dalam bidang sains sukan dan rekreasi, sejajar dengan aspirasi UiTM sebagai *Globally Renowned University (GRU 2020–2025)*.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_P01\\_PB05\\_20251\\_Amanat Dekan FSR 15 Feb 2024.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

FSR sentiasa komited dalam meningkatkan jalinan hubungan kerjasama dengan setiap pelanggan. Pendekatan yang menyeluruh telah dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) FSR berdasarkan piagam pelanggan BHEA untuk memastikan setiap pelanggan memperoleh impak yang maksimum dan reputasi yang cemerlang. FSR merancang strategi pengurusan pelanggan yang holistik dengan mengenal pasti segmen utama iaitu pelajar, staf, alumni, industri, dan komuniti. Keperluan serta jangkaan pelanggan dikenal pasti melalui soal selidik kepuasan, sesi libat urus (*town hall*), panel penasihat industri, dan analisis trend aduan. Maklumat ini digunakan untuk merangka pelan tindakan tahunan yang merangkumi peningkatan kualiti akademik, pengukuhan sokongan pelajar, penambahbaikan kemudahan, dan inovasi perkhidmatan digital. Bagi memenuhi keperluan pelanggan dalaman dan luaran secara sistematik, FSR telah melaksanakan pelbagai proses utama termasuk Pendaftaran Pelajar melalui Sistem SIMS, penggunaan MOOC (Viewer) untuk pembelajaran digital, pengisian SUFO bagi maklum balas kursus, pengurusan Anugerah, Pendaftaran Kelas/Latihan, serta pengeluaran Surat Lantikan.

FSR menggunakan proses kitaran Plan, Do, Check, and Act (PDCA) untuk melibatkan diri secara berkesan dengan pihak pelanggan berkepentingan. Antara langkah digunakan:

#### **Plan (Perancangan):**

FSR merancang strategi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dalaman (pelajar, penyelidik) dan luaran (industri) melalui sistem berdaftar seperti SIMS, MOOC Viewer, dan SUFO. Perancangan meliputi jadual aktiviti tahunan, penetapan SOP, dan penyediaan sumber bagi pendaftaran pelajar, latihan, anugerah, dan surat lantikan. Selain itu, dalam menetapkan perancangan, FSR berpaksikan kepada UiTM 2025 Strategic Plan Performance Indicator (PI) Achievement 2024 yang berkaitan PdP seperti jumlah *academic programmes embedded with new international credited service learning activities*, peratusan Graduate on time (GOT), Bilangan MOOC, *Number of leadership programmes* dan pelbagai PI yang berkaitan PdP yang telah dijadikan amanah kepada FSR. FSR telah membangunkan pelan komprehensif untuk inisiatif PdP.

#### **Do (Pelaksanaan):**

Proses dilaksanakan mengikut SOP yang ditetapkan, bermula dengan pendaftaran, pengesahan maklumat, pelaksanaan aktiviti (kelas, latihan, anugerah), dan dokumentasi. Sistem digital digunakan untuk memastikan ketepatan, kecekapan, dan kebolehkesanan rekod. FSR sentiasa memastikan bahawa setiap inisiatif yang dilaksanakan sejajar dengan jangkaan pihak berkepentingan dan memenuhi keperluan para pelanggan. Fasa ini dibantu oleh pekeliling yang ditetapkan oleh bahagian pentaksiran dan penilaian akademik (BPPA) dan bahagian pemantauan akademik iaitu Jawatan Kuasa Induk Pemantauan Akademik (JKIPA)

#### **Check (Pemantauan):**

FSR sentiasa menilai keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan dengan mengumpul maklum balas daripada pihak pelanggan. Pemantauan dibuat secara berkala melalui semakan rekod sistem, pengesahan pegawai bertanggungjawab, audit dalaman, dan maklum balas pelanggan (SUFO). Data pemantauan dianalisis untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan perkhidmatan.

#### **Act (Tindakan Penambahbaikan):**

Maklumat daripada pemantauan digunakan untuk menambah baik proses, termasuk penambahbaikan sistem, penyelarasan SOP, penyesuaian jadual, dan peningkatan kualiti perkhidmatan. Penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kepuasan pelanggan dan pencapaian objektif organisasi.

Secara keseluruhan, dengan mengikuti kitaran PDCA, FSR terlibat secara aktif dengan pihak

pelanggan, menambah baik nilai secara berterusan, dan memastikan pengalaman pengajaran dan pembelajaran memenuhi jangkaan dan keperluan semua pihak yang terlibat.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat beberapa pihak yang dikenalpasti sebagai pelanggan kepada FSR, iaitu pelajar, ibu bapa, majikan atau pihak industri, pensyarah, agensi kerajaan, alumni, dan penaja (**Bukti 1**). Setiap kumpulan pelanggan ini mempunyai keperluan, jangkaan, dan minat yang berbeza dalam konteks pendidikan tinggi. Bagi memenuhi keperluan tersebut, pendekatan yang berkesan dilaksanakan melalui penyediaan alat, sumber, dan sokongan yang inovatif untuk meningkatkan pengalaman pendidikan, memperkukuh pencapaian hasil pembelajaran, serta memenuhi permintaan pelajar dan pihak berkepentingan lain yang sentiasa berubah mengikut perkembangan semasa.

Pendekatan ini dilaksanakan menggunakan kitaran **Plan-Do-Check-Act (PDCA)**.

- **Plan (Perancangan):** FSR merangka strategi berdasarkan analisis keperluan pelanggan, menetapkan SOP yang jelas, menyediakan jadual aktiviti tahunan, serta memastikan sumber manusia, kewangan dan teknologi mencukupi. Sistem seperti **SIMS, MOOC, dan SUFO,U-Future** digunakan bagi pendaftaran pelajar, pembelajaran digital, dan pengumpulan maklum balas (**Bukti 2**).
- **Do (Pelaksanaan):** Aktiviti dilaksanakan mengikut SOP termasuk pendaftaran, pengesahan maklumat, pelaksanaan kelas/latihan, penganjuran anugerah, dan pengeluaran surat lantikan (**Bukti 3**).
- **Check (Pemantauan):** Pemantauan dilaksanakan secara berkala melalui semakan rekod, audit dalaman, dan analisis maklum balas pelanggan bagi mengukur keberkesanan perkhidmatan serta tahap kepuasan pelanggan (**Bukti 4**).
- **Act (Tindakan Penambahbaikan):** Hasil penilaian digunakan untuk memperbaiki proses kerja, menaik taraf sistem, menyelaraskan SOP, serta meningkatkan kemahiran staf melalui latihan (**Bukti 5**).

FSR memberi penekanan kepada **pengiktirafan dan insentif** dengan meraikan amalan pengajaran yang cemerlang dan boleh dijadikan contoh. Pengiktirafan ini dilaksanakan melalui penganugerahan, sijil penghargaan, atau bentuk penghormatan lain yang bertujuan menonjolkan sumbangan signifikan tenaga pengajar dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Langkah ini bukan sahaja menghargai usaha, malah meningkatkan motivasi dan menjadi inspirasi kepada warga akademik lain untuk mengekalkan standard kualiti yang tinggi.

Selain itu, FSR juga memastikan **sokongan dan sumber institusi** disediakan secara mencukupi untuk menjayakan inisiatif peningkatan kualiti P&P. Sokongan ini merangkumi pelaburan dalam teknologi pengajaran terkini, penyediaan ruang pembelajaran yang kondusif dan peluang pembangunan profesional bagi tenaga pengajar. Pendekatan ini memastikan tenaga akademik memiliki kemudahan, pengetahuan, dan kemahiran yang diperlukan untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna, relevan, dan sejajar dengan perkembangan pendidikan semasa.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20251\\_1.1 KRITERIA 3-KATEGORI PELANGGAN.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20252\\_Kriteria 3- SIMS.MOOC.SUFO.UFUTURE.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20253\\_Carta Aliran Pendaftaran Pelajar Baru-Anugerah kecemerlangan-surat lantikan.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20254\\_Laporan Hasil Audit Dalam Bil.1 2024- maklum balas pelanggan.pdf](#)
5. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20255\\_1.3 LATIHAN STAF AKADEMIK.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSR mengumpul data pelanggan melalui pelbagai saluran bergantung kepada kumpulan sasar. Data pelajar diperoleh daripada Sistem Maklumat Pelajar (SIMS) semasa pendaftaran akademik dan pendaftaran kursus (**Bukti 1**). Maklum balas mengenai kursus dan pensyarah pula dikumpulkan melalui platform Student Feedback Online (SUFO) (**Bukti 2**). Bagi penyelidik dan staf akademik, data diperoleh daripada rekod dalaman, borang permohonan latihan, serta rekod projek penyelidikan (**Bukti 3**). Sementara itu, data pelanggan luaran seperti industri, agensi kerajaan dan penaja diperoleh melalui memorandum persefahaman (MoU), perjanjian kerjasama, serta borang pendaftaran program atau projek (**Bukti 4**).

Bagi memastikan integriti, ketepatan, dan keselamatan maklumat, sistem seperti SIMS dan pangkalan data kerjasama industri diselenggara secara berkala oleh pentadbir sistem. Pengenalpastian data pelanggan dibuat melalui nombor matrik, nombor staf, kod projek, atau rujukan kontrak, yang membolehkan penjejakan interaksi dan rekod perkhidmatan dijalankan dengan tepat. Akses kepada data dikawal melalui sistem kawalan berasaskan peranan (role-based access control), di mana hanya kakitangan yang diberi kuasa boleh mengakses maklumat berkenaan.

Dalam aspek penglibatan kumpulan sasar, **pelajar** dilibatkan secara aktif melalui SUFO, program Education 5.0 untuk pelajar baru, serta program pembangunan kemahiran. Keputusan pengajian dan maklum balas pelajar digunakan sebagai indikator untuk menambah baik modul pembelajaran, kandungan kursus, dan kaedah penyampaian. Data dari SIMS turut diintegrasikan dalam platform pengajaran dan pembelajaran UFUTURE, manakala rekod fizikal pelajar disimpan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik FSR untuk tujuan rujukan rasmi.

**Majikan dan industri** pula dilibatkan melalui panel penasihat industri, kerjasama latihan industri, dan projek kolaborasi. Mereka turut memberi input berterusan berkaitan keberkesanan program, berkongsi kepakaran melalui seminar dan bengkel, serta membuka peluang penyelidikan bersama. Pendekatan ini membolehkan kurikulum sentiasa dinamik, selaras dengan keperluan pasaran semasa, dan mampu melahirkan graduan yang kompeten serta berdaya saing di peringkat nasional dan global.

**Pensyarah** berperanan sebagai pelaksana utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), selain menyumbang idea untuk penambahbaikan kaedah pengajaran, inovasi pembelajaran, semakan kurikulum, dan pembangunan program baharu. Penglibatan pensyarah turut diperluaskan melalui penyelidikan, penerbitan ilmiah, kolaborasi industri, serta bimbingan pelajar dalam aspek sahsiah dan kemahiran insaniah.

Selain itu, **alumni** juga dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran melalui program talent hub, collaborative teaching (CGCT), serta perkongsian maklumat peluang pekerjaan kepada graduan (**Bukti 5**).

Melalui pendekatan menyeluruh ini, FSR bukan sahaja memastikan semua kumpulan sasar terlibat dalam pelaksanaan bidang tumpuan pelanggan, malah maklum balas mereka diintegrasikan dalam perancangan strategik. Hal ini menjadikan proses pelaksanaan lebih inklusif, relevan dengan keperluan semasa, dan seterusnya meningkatkan tahap kepuasan pelanggan serta pencapaian objektif organisasi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20251\\_2.1 SIMS.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20252\\_REPORT OVERALL SUFO 20242.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20253\\_List Penyelidikan FSR\\_20kt2024.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20254\\_Pelaporan Mou Moa 2024.pdf](#)

5. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20255\\_Alumni\\_Expert\\_2024 -CGCT.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pelaksanaan bidang tumpuan terhadap pelanggan di FSR telah memberi pelbagai kebaikan dan ganjaran yang ketara kepada semua pihak berkepentingan.

Bagi **pelajar**, pendekatan sistematik dalam pengurusan akademik, pendaftaran kursus, dan penyediaan kemudahan telah meningkatkan akses kepada maklumat serta kelancaran urusan pembelajaran. Sokongan teknologi seperti SIMS, SUFO dan UFUTURE membolehkan pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif, berkesan, dan selaras dengan keperluan industri. Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelajar, malah mempersiapkan mereka menghadapi cabaran kerjaya dengan lebih yakin (**Bukti 1**).

Bagi **pensyarah dan staf**, pelaksanaan bidang tumpuan memberi ganjaran dalam bentuk pengiktirafan pencapaian, peluang pembangunan profesional berterusan, serta peningkatan kemahiran pedagogi. Pemberian anugerah dan sijil penghargaan mewujudkan motivasi serta budaya kerja yang lebih positif, inovatif dan berdaya saing dalam kalangan warga akademik (**Bukti 2**).

Bagi **majikan dan pihak industri**, kolaborasi melalui sesi libat urus, maklum balas berstruktur dan penyesuaian kurikulum memastikan graduan yang dihasilkan menepati kehendak pasaran semasa. Hal ini meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan, sekali gus memperkukuh keyakinan industri terhadap kualiti akademik FSR (**Bukti 3**).

Dari segi **organisasi**, pengurusan data pelanggan yang lebih sistematik membolehkan keputusan dibuat secara berasaskan bukti serta responsif terhadap perubahan keperluan pelanggan. Hal ini meningkatkan kecekapan operasi, keberkesanan strategi dan kepuasan pelanggan secara keseluruhan (**Bukti 4**).

Pelaksanaan bidang tumpuan pelanggan telah memberi manfaat langsung kepada pelajar, staf, industri dan pihak berkepentingan lain, di samping memperkukuh reputasi FSR sebagai institusi pendidikan yang proaktif, responsif dan berorientasikan kecemerlangan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20251\\_Report Sufo.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20252\\_Majlis Kecemerlangan FSR 2024-sijil penghargaan.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20253\\_Laporan Kebolehpasaran Graduan 2024.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20254\\_Carta Aliran Pendaftaran Pelajar Baru.pdf](#)
- 5.

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam pelaksanaan bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran, beberapa risiko telah dikenal pasti yang berpotensi menjejaskan keberkesanan pencapaian maklum balas pelanggan. Pertama ialah **risiko akademik**, iaitu kebarangkalian pelajar gagal dalam kursus tertentu atau tidak menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan kerana tidak memenuhi keperluan program. Kedua, wujud **risiko kompetensi pensyarah**, khususnya dalam mengadaptasi dapatan penyelidikan semasa ke dalam proses PdP. Sekiranya perkara ini tidak ditangani, kualiti pengajaran boleh terjejas dan pelajar tidak mendapat pendedahan terkini. Ketiga, terdapat **risiko kualiti PdP**, apabila bahan pengajaran tidak dikemas kini mengikut perubahan kurikulum, perkembangan industri atau keperluan komuniti. Selain itu, FSR turut berdepan **risiko sumber**, iaitu kekangan kewangan serta keterbatasan infrastruktur yang boleh menghadkan pelaksanaan program akademik dan inovasi fakulti.

Bagi menguruskan risiko tersebut, FSR telah melaksanakan pendekatan proaktif seperti pengenalan **Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)** yang mengintegrasikan teori dengan pengalaman praktikal komuniti (**Bukti 1**). Dari aspek kompetensi pensyarah, fakulti menganjurkan **bengkel penulisan dan penyelidikan** serta menggalakkan penerbitan hasil penyelidikan pelajar dan pensyarah dalam jurnal berindeks melalui program *FYP to Indexed Publication Workshop* (**Bukti 2**). Bagi memastikan kualiti PdP sentiasa relevan, pendekatan **Collaborative Teaching (CT)** dilaksanakan bersama rakan sejawat dan pihak industri (**Bukti 3**). Sementara itu, isu sumber ditangani melalui **pengukuhan kerjasama industri, permohonan geran penyelidikan, sumbangan peralatan** daripada pihak industri dan **penjanaan pendapatan fakulti** (**Bukti 4**).

Justeru, kesemua risiko ini ditangani melalui perancangan rapi, pemantauan berterusan, dan tindakan mitigasi yang bersesuaian. Pendekatan ini memastikan kualiti PdP terjamin, keberkesanan strategi akademik dipelihara, dan kepuasan pelanggan berada pada tahap optimum.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20251\\_BORANG DAFTAR SULAM FSR 2024\\_250416\\_135241.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20252\\_Bengkel FYP to Full Paper Submission.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20253\\_Sijil CGCT.pdf Risiko.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20254\\_Risiko Sumber- Pendapatan.pdf](#)
- 5.

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSR komited memberikan perkhidmatan berkualiti dengan menekankan kepuasan pelanggan melalui pengurusan maklum balas dan aduan yang sistematik serta selaras dengan keperluan Standard ISO 9001:2015. Bagi tujuan ini, fakulti telah menetapkan **saluran komunikasi yang jelas** untuk menerima maklum balas, termasuk penggunaan sistem ICT seperti **e-Aduan, UniT**, borang digital bagi soal selidik kepuasan pelanggan, serta kod QR yang dipamerkan di kaunter perkhidmatan. Pendekatan ini memudahkan capaian pelanggan, melancarkan urusan rekod dan memastikan maklumat diterima secara telus.

Setiap maklum balas yang diterima direkodkan dan dianalisis, kemudian dibentangkan dalam **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)** sekurang-kurangnya sekali setahun untuk tindakan mitigasi, penambahbaikan atau pencegahan (**Bukti 1**). Maklum balas positif dijadikan asas pengukuhan kepada amalan terbaik, manakala maklum balas negatif dan aduan pula menjadi pencetus kepada tindakan penambahbaikan. Sebagai contoh, jika isu melibatkan fasiliti, pihak pengurusan akan memanjangkannya kepada universiti untuk tindakan pembaikan atau perolehan baharu (**Bukti 2**).

Selain saluran maklum balas pelanggan, FSR turut mengintegrasikan mekanisme penilaian lain yang menyumbang kepada penambahbaikan kualiti perkhidmatan PdP. Antaranya termasuk **Audit Dalam (Bukti 3)**, **Laporan Penilaian Kendiri (e-SRR)**, **SuFO**, **PROPENS**, **TESA**, **Entrance & Exit Survey**, dan **CDL-CQI (Bukti 4)**. Setiap hasil pelaporan ini dianalisis dan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), kemudian disebarluaskan kepada para pensyarah dan pihak yang terlibat untuk pelaksanaan tindakan penambahbaikan.

FSR juga mengamalkan prinsip **Continuous Quality Improvement (CQI)**, di mana keberkesanan setiap tindakan yang diambil dipantau dalam tempoh tertentu. Jika langkah yang dilaksanakan berkesan, ia akan didokumenkan sebagai *best practice*; jika sebaliknya, strategi baharu akan dirangka. Selain itu, sesi libat urus bersama industri, alumni dan pihak berkepentingan lain diadakan secara berkala bagi mendapatkan input tambahan yang relevan.

Secara keseluruhannya, pendekatan berstruktur ini membolehkan FSR menangani isu pelanggan secara sistematik, responsif dan berterusan. Hal ini bukan sahaja meningkatkan tahap kepuasan pelanggan, malah memperkukuh reputasi fakulti sebagai pusat kecemerlangan akademik.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20251\\_MKSP FSR 2024.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20252\\_KERTAS KERJA PEMBELIAN PERALATAN-KELULUSAN PERMOHONAN.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20253\\_Audit Dalam 1 Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi 2024 \(4\).pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20254\\_LAPORAN TEX.SUFO.TESA.PROPENS.CDL-CQI.pdf](#)
- 5.

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan tindakan susulan hasil daripada maklum balas pelanggan di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) telah membuahkan hasil yang jelas dari segi peningkatan kualiti perkhidmatan, keberkesanan pengajaran serta pengukuhan hubungan dengan pihak berkepentingan. Keberkesanan ini dapat dibuktikan melalui peningkatan skor kepuasan pelajar dalam soal selidik SuFO, penemuan dalam laporan audit dalaman, serta pengiktirafan yang diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan ini menunjukkan bahawa setiap maklum balas pelanggan tidak hanya ditangani secara reaktif, malah dijadikan asas kepada penambahbaikan yang berterusan.

Antara pencapaian utama termasuk penerbitan penyelidikan berindeks Scopus, kejayaan beberapa projek inovasi dan memenangi anugerah serta penghargaan di peringkat nasional dan international (**Bukti 1**). Pencapaian ini membuktikan bahawa tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan bukan sahaja meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), malah memperkukuh budaya penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Selain itu, penyertaan berterusan pelajar siswazah serta staf akademik dalam penyelidikan turut menyumbang kepada peningkatan bilangan penerbitan berkualiti tinggi, seterusnya meningkatkan reputasi fakulti di persada akademik.

Dari sudut pengajaran, keberkesanan penambahbaikan dapat dilihat melalui peningkatan kompetensi pensyarah hasil penganjuran bengkel penyelidikan, semakan kurikulum dan penilaian kaedah pengajaran. Program-program ini mendorong warga akademik menghasilkan penulisan yang lebih sistematik, berimpak, dan berskala antarabangsa. Di samping itu, pendekatan **Collaborative Teaching (CT)** yang dilaksanakan bersama rakan sejawat, kampus cawangan dan pihak industri telah memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar. Melalui integrasi CT, pelajar bukan sahaja terdedah kepada kepelbagaian kaedah penyampaian, malah turut memperoleh pendedahan industri yang relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Pelaksanaan **Service Learning Malaysia–University for Society (SULAM)** pula merupakan satu inovasi penting dalam menghubungkan teori dengan pengalaman praktikal melalui kerjasama komuniti. SULAM bukan sahaja memperkukuh penguasaan teori, malah memberi peluang kepada pelajar melaksanakan projek lapangan yang menyumbang kepada masyarakat. Keberkesanan inisiatif ini dapat dilihat melalui pembangunan graduan yang lebih holistik, beretika, berdaya tahan, serta mempunyai kesedaran sivik yang tinggi. Di samping itu, FSR turut memperkenalkan inovasi lain seperti **Anugerah Kecemerlangan Akademik** untuk pensyarah, **Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang** bagi meraikan prestasi akademik pelajar (**Bukti 2**).

Selain itu, penggunaan **sistem ICT** seperti e-Aduan, UnIT, serta borang digital dengan capaian kod QR telah memodenkan saluran maklum balas pelanggan (**Bukti 3**). Inovasi digital ini membolehkan isu ditangani secara lebih pantas, telus, dan teratur kerana setiap aduan direkodkan serta boleh dijejaki statusnya (**Bukti 4**). Langkah ini selaras dengan amalan **Continuous Quality Improvement (CQI)** yang menekankan pemantauan berterusan, pengukuran keberkesanan, dan pengenalpastian ruang penambahbaikan.

Secara keseluruhannya, integrasi tindakan susulan dan inovasi ini telah berjaya memupuk budaya kerja berkualiti, meningkatkan kepuasan pelanggan, menggalakkan inovasi dalam PdP, serta memperkukuh reputasi FSR sebagai fakulti unggul dalam bidang sains sukan dan rekreasi. Keberkesanan ini membuktikan bahawa FSR bukan sahaja responsif terhadap maklum balas pelanggan, tetapi mampu menterjemahkannya kepada amalan terbaik yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik, penyelidikan, inovasi, serta pembangunan graduan holistik yang berdaya saing di peringkat global.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_T01\\_TB05\\_20251\\_ANUGERAH DAN PENGHARGAAN Award.xlsx -.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB05\\_20252\\_Majlis Kecemerlangan FSR 2024.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB05\\_20253\\_E-Aduan - Universiti Teknologi MARA.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB05\\_20254\\_QR Code & Laporan Maklum balas pelanggan FSR.pdf](#)
- 5.

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) mengamalkan pendekatan pengurusan akademik yang holistik, mampan, dan bersepadu berasaskan kitaran *Plan – Do – Check – Act (PDCA)*. Pendekatan ini memastikan setiap inisiatif dilaksanakan secara sistematik, berpandukan data, dan diselaraskan dengan matlamat strategik universiti, sekali gus mewujudkan ekosistem akademik yang responsif, berimpak tinggi, dan lestari.

Perancangan strategik dimulakan dengan analisis menyeluruh terhadap prestasi pelajar, maklum balas pengajaran, dan penilaian keperluan fakulti. Data prestasi seperti pencapaian akademik, kadar kelulusan, dan maklum balas pelajar melalui Sistem Maklum Balas Pelajar (SUFO) digunakan bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, serta keutamaan intervensi. Perancangan ini melibatkan penstrukturan semula kurikulum, penjadualan pengajaran yang lebih strategik, perancangan intervensi awal bagi kursus berisiko tinggi, dan strategi pengurusan biasiswa secara bersasar. Selain itu, elemen inovasi pedagogi seperti *Blended Learning* dan *Massive Open Online Courses (MOOC)* dirancang untuk meningkatkan fleksibiliti pembelajaran, terutamanya bagi pelajar dengan komitmen luar seperti atlet.

Pelaksanaan melibatkan tindakan intervensi akademik secara langsung, termasuk pengurangan saiz kelas bagi kursus tertentu, pengukuhan peranan penasihat akademik, dan pelaksanaan kaedah pengajaran inovatif. Penasihat akademik berfungsi sebagai penghubung utama, memastikan pelajar mendapat bimbingan berterusan melalui pertemuan berkala dan saluran komunikasi digital. Pelaksanaan elemen pengajaran berimpak tinggi seperti SULAM turut digalakkan untuk meningkatkan penglibatan pelajar dengan komuniti. Dalam aspek sokongan kewangan, fakulti proaktif mempromosikan peluang biasiswa, membantu proses permohonan, dan menyediakan panduan teknikal bagi meningkatkan kadar kejayaan permohonan. Fakulti juga membudayakan pengiktirafan pencapaian pelajar dan staf melalui anugerah akademik, kokurikulum, serta pengiktirafan profesional bagi membina motivasi dan imej positif.

Pemantauan dijalankan secara sistematik menggunakan pelbagai indikator seperti kadar *Graduate on Time (GOT)*, pencapaian purata mata gred (CGPA), dan kadar kegagalan pelajar. Hasil SUFO, *Closing the Loop (CDL)*, dan *Continuous Quality Improvement (CQI)* digunakan untuk menilai keberkesanan pengajaran, mengenal pasti ruang penambahbaikan, serta mengukur impak strategi yang dilaksanakan. Teknologi analitik seperti Power BI dimanfaatkan untuk memantau data secara masa nyata, membolehkan pihak pengurusan membuat keputusan berasaskan bukti dan melaksanakan pelarasan segera sekiranya diperlukan.

Dapatan daripada proses pemantauan digunakan untuk melaksanakan penambahbaikan secara berterusan. Antaranya termasuk pelan latihan pensyarah berasaskan dapatan penilaian, pengukuhan modul pengajaran, pengoptimuman teknologi pembelajaran, dan pengukuhan hubungan strategik dengan industri. Setiap tindakan susulan dirancang bagi memastikan keberkesanan langkah yang diambil serta meminimumkan risiko penurunan prestasi.

Keseluruhannya, pelaksanaan kitaran PDCA di FSR memastikan setiap proses pengurusan akademik bukan sahaja menyasarkan peningkatan jangka pendek, malah membina asas yang kukuh untuk pencapaian jangka panjang. Melalui pendekatan ini, fakulti dapat mengekalkan kecemerlangan akademik, memperkukuh profesionalisme staf, memperluas sokongan pelajar, dan meningkatkan reputasi institusi secara mampan.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) mengamalkan pendekatan pengurusan akademik yang komprehensif, bersepadu, dan berpandukan data. Pemantauan prestasi pelajar dilaksanakan secara sistematik melalui indikator utama seperti *Graduate on Time* (GOT), peratusan pelajar memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)  $\geq 3.00$ , dan kadar kegagalan kursus bagi setiap semester. Data ini dikumpulkan secara konsisten bagi membolehkan pihak pengurusan mengenal pasti pola pencapaian, mengesan potensi isu, dan merangka intervensi bersasar (Bukti 1).

Sebagai contoh, analisis menunjukkan kadar kegagalan menurun daripada 0.86% pada Semester 20242 kepada 0.24% pada Semester 20244, penurunan sebanyak 0.62 mata peratus. Penurunan ini membuktikan keberkesanan program akademik yang dirancang serta sokongan pengurusan fakulti yang lebih tersusun. Dalam aspek GOT, FSR mencatatkan pencapaian melebihi 90%, selaras dengan sasaran strategik universiti.

### Pemantapan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran

FSR memastikan kualiti pengajaran berada pada tahap optimum melalui penggunaan Sistem Maklum Balas Pelajar (SUFO), rekod *Closing the Loop* (CDL), dan pelaksanaan *Continuous Quality Improvement* (CQI) (Bukti 2). Proses ini membolehkan pensyarah mengenal pasti kekuatan serta kelemahan dalam penyampaian pengajaran dan melaksanakan penambahbaikan berdasarkan maklumat empirikal yang dikumpul setiap semester. Laporan ini seterusnya digunakan sebagai panduan pelarasan strategi pengajaran dan pemantauan berterusan untuk meningkatkan kualiti pencapaian pelajar.

Pendekatan pengajaran inovatif seperti *Blended Learning* dan *Massive Open Online Courses* (MOOC) turut dilaksanakan untuk meningkatkan fleksibiliti pembelajaran, khususnya bagi pelajar atlet (Bukti 3). Kaedah ini bukan sahaja memperluas akses kepada bahan pembelajaran, malah memperkukuh kemahiran teknologi dalam kalangan pensyarah.

### Sokongan Akademik dan Kesejahteraan Pelajar

Bimbingan akademik disediakan melalui lantikan penasihat akademik bagi setiap kumpulan pelajar. Setiap penasihat akademik digalakkan mewujudkan saluran komunikasi berterusan seperti kumpulan WhatsApp untuk memudahkan penyampaian maklumat, pemantauan prestasi, dan sokongan terhadap isu akademik atau peribadi pelajar (Bukti 4).

Bagi mengurangkan tekanan kewangan, fakulti menggalakkan pelajar memohon biasiswa dan memantau penerimaannya. Data Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) menunjukkan peningkatan 64 % penerima biasiswa pada Semester 20244. Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan inisiatif fakulti dalam memperluas akses pembiayaan pendidikan.

### Budaya Pengiktirafan dan Penghargaan di Fakulti

FSR mengamalkan budaya menghargai pencapaian pelajar dan staf. Pencapaian direkod melalui sistem MyATP dan laporan HEA, manakala pelajar yang menerima Anugerah Naib Canselor (ANC) atau Anugerah Dekan (AD) diraikan dalam majlis rasmi bersama pengurusan tertinggi fakulti. Atlet yang memenangi kejohanan turut diberi pengiktirafan dan dipaparkan kejayaan mereka di laman sesawang serta media sosial fakulti.

Bagi staf, pencapaian seperti pelantikan sebagai penceramah jemputan, penglibatan dalam aktiviti perundingan dan penyelidikan (Bukti 5), atau penerimaan sijil profesional turut diraikan serta dikongsikan di platform rasmi fakulti. Pendekatan ini bukan sahaja memupuk motivasi dalaman, malah memperkukuh imej positif fakulti di mata pihak luar.

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pendekatan FSR melangkaui pengukuran pencapaian akademik semata-mata. Strategi yang dirancang meliputi dimensi sokongan kewangan, inovasi pedagogi,

pembangunan profesional stat, dan budaya pengiktiratan. Pendekatan holistik ini memastikan pelajar dan staf bergerak seiring untuk mencapai kecemerlangan yang mampan, selaras dengan matlamat strategik universiti.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20251\\_Peraturan pelajar mendapat CGPA lebih 3.0 20242 20244 FSR.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20253\\_APPROACH BUKTI 3 CDL CQI OCT 2024.pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20254\\_APPROACH BUKTI 4 SIJIL MOOC SPS505\\_NURUL NADIAH \(1\).pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20255\\_APPROACH BUKTI 5 CONTOH GROUP PENASIHAT AKADEMIK.pdf](#)
5. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20255\\_APPROACH BUKTI 5 Certificate-Presenter-Ang.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan strategi oleh Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) disokong oleh proses penilaian berstruktur yang melibatkan pengumpulan dan analisis data kuantitatif serta kualitatif. Data yang digunakan merangkumi beberapa kategori utama. Pertama, data akademik pelajar yang terdiri daripada indikator Graduate on Time (GOT), peratusan pelajar yang memperoleh CGPA  $\geq 3.0$ , kadar kegagalan kursus, laporan Sistem Maklum Balas Pelajar (SUFO), Entrance dan Exit Survey, serta rekod Continuous Quality Improvement (CQI) dan Closing the Loop (CDL). Kedua, data berkaitan inovasi pengajaran yang meliputi rekod pendaftaran kursus secara Blended Learning, pembangunan Massive Open Online Courses (MOOC), dan pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Ketiga, data sokongan kewangan yang merangkumi jumlah penerima biasiswa pada setiap semester (tidak termasuk PTPTN). Keempat, data pencapaian yang melibatkan penerima Anugerah Naib Canselor (ANC), Anugerah Dekan (AD), pingat sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, serta pencapaian staf dalam perundingan, penyelidikan, dan pengiktirafan profesional.

Kaedah penilaian yang digunakan melibatkan analisis kuantitatif terhadap laporan akademik pelajar untuk mengesan trend pencapaian dan tahap keberkesanan strategi intervensi. Data SUFO dianalisis bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan proses pengajaran, manakala maklumat daripada Entrance dan Exit Survey digunakan untuk menilai keberkesanan pembelajaran dari perspektif pelajar. Penilaian berterusan dijalankan melalui proses CQI dan CDL yang memanfaatkan dapatan daripada survei dan laporan prestasi untuk tujuan penambahbaikan. Pemantauan pelaksanaan inovasi pengajaran seperti Blended Learning dan MOOC pula dilaksanakan bagi menilai keberkesanan penggunaan teknologi dalam meningkatkan interaksi dan capaian bahan pembelajaran. Dalam aspek sokongan kewangan, rekod penerima biasiswa dianalisis untuk menilai keberkesanan strategi fakulti dalam memperluaskan akses kepada pembiayaan pendidikan (Bukti 1). Dokumentasi pencapaian pelajar dan staf turut dijadikan indikator budaya kecemerlangan fakulti.

Kekerapan pengumpulan data adalah konsisten dan berjadual. Pemantauan prestasi akademik pelajar melalui GOT, CGPA, dan kadar kegagalan dilaksanakan pada setiap semester, dengan hasilnya dibentangkan dalam Mesyuarat Akademik Fakulti (Bukti 2). Data SUFO, CQI, dan CDL dikumpulkan pada akhir setiap semester, manakala Entrance dan Exit Survey dilaksanakan pada permulaan dan akhir kursus atau program. Pemantauan oleh penasihat akademik dijalankan sekurang-kurangnya dua kali setiap semester, iaitu pada awal dan akhir semester, dengan sokongan komunikasi digital yang berlangsung secara berterusan. Rekod sokongan kewangan dikemas kini setiap semester melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar, (Bukti 3). Manakala data pencapaian pelajar dan staf direkodkan mengikut tarikh penerimaan anugerah atau pengiktirafan rasmi sepanjang tahun akademik (Bukti 4).

Kesemua data ini dianalisis secara sistematik dan dibentangkan dalam mesyuarat rasmi fakulti bagi memastikan semua pihak berkepentingan memperoleh gambaran prestasi semasa, mengenal pasti isu yang memerlukan tindakan, dan merangka strategi penambahbaikan yang sesuai. Pendekatan ini memastikan pelaksanaan strategi FSR bukan sahaja konsisten dengan objektif pembangunan fakulti, tetapi juga memberi kesan positif terhadap prestasi pelajar, reputasi akademik, dan budaya kerja yang berorientasikan kecemerlangan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_A01\\_AB03\\_20251\\_DEPLOYMENT BUKTI 1 FSR -PENERIMA ZAKAT UITM SESI MAC 24 -JULAI 24 DAN SEP24-JAN 25 PDF.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB03\\_20252\\_DEPLOYMENT BUKTI 2 FAKTOR KEGAGALAN DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT JAF.pdf](#)

- 
3. [F0047\\_A01\\_AB03\\_20253\\_DEPLOYMENT BUKTI 3 MINIT MESYUARAT PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR \(MPAP\) BIL 1\\_2024 300424 AUDIT.pdf](#)
  4. [F0047\\_A01\\_AB03\\_20254\\_DEPLOYMENT BUKTI 4 FSR anugerah STUDENT.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Proses pembelajaran dalam konteks pengurusan akademik di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) tidak terhad kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam atau di luar bilik kuliah semata-mata. Sebaliknya, ia merangkumi pendekatan berasaskan data yang membolehkan fakulti mengenal pasti kekuatan sedia ada serta mengesan kelemahan yang memerlukan intervensi strategik.

Hasil penganalisan data akademik mendapati terdapat penurunan ketara dalam kadar kegagalan pelajar, daripada 0.86% pada Semester 20242 kepada 0.24% pada Semester 20244 (Bukti 1). Penurunan ini membuktikan keberkesanan langkah intervensi yang dilaksanakan, termasuk penyediaan sesi latihan tambahan mingguan (Bukti 2), penerapan kaedah *Blended Learning*, serta pemantauan berterusan oleh penasihat akademik. Analisis juga menunjukkan bahawa pelaksanaan intervensi lebih awal, seperti pengurangan saiz kelas bagi kursus yang mencatat kadar kegagalan tinggi, telah meningkatkan fokus pengajaran dan keberkesanan pembelajaran.

Selain itu, data kualitatif yang diperolehi daripada maklum balas pelajar mengesahkan bahawa bimbingan oleh penasihat akademik memberikan impak positif terhadap motivasi dan ketahanan mental pelajar, khususnya dalam kalangan pelajar tahun pertama dan tahun akhir. Interaksi ini membantu membina keyakinan diri dan memperjelas hala tuju pelajar dari segi perancangan akademik serta kerjaya.

Penganalisan data berkaitan penawaran biasiswa juga menunjukkan peningkatan penerima daripada 14 orang pada Semester 20242 kepada 23 orang pada Semester 20244 (tidak termasuk penerima PTPTN). Fakulti mengenal pasti bahawa promosi aktif (Bukti 3), penyediaan bantuan teknikal dalam proses permohonan, serta pemantauan tarikh akhir telah menyumbang kepada peningkatan kadar kejayaan pelajar dalam memperoleh biasiswa

Dari perspektif pembangunan profesional, rekod penglibatan staf dalam aktiviti seperti menjadi penceramah jemputan atau perunding industri menunjukkan bahawa jaringan strategik yang terjalin melalui aktiviti ini memberikan manfaat langsung kepada fakulti, termasuk peluang kolaborasi bersama pihak industri (Bukti 4). Hasil ini mengukuhkan dasar fakulti untuk menggalakkan penyertaan aktif staf dalam aktiviti luar yang berpotensi memperluas rangkaian profesional (Bukti 5).

Akhirnya, analisis pencapaian pelajar yang memperoleh Anugerah Naib Canselor, Anugerah Dekan, serta pingat dalam acara sukan membuktikan bahawa kecemerlangan akademik mampu dicapai seiring dengan penglibatan aktif dalam kokurikulum. Dapatan ini mengukuhkan keyakinan fakulti bahawa keseimbangan antara akademik dan aktiviti luar kuliah membentuk pelajar yang lebih berdaya saing di pasaran pekerjaan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20251\\_LEARNING BUKTI 1 Peratusan kegagalan pelajar setiap semester 20242 20244 FSR.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20252\\_LEARNING BUKTI 2 LATIHAN TAMBAHAN.pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20253\\_LEARNING BUKTI 3 HEBAHAN BIASISWA.pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20254\\_LEARNING BUKTI 4 anugerah inovasi.jpg.pdf](#)
5. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20255\\_LEARNING BUKTI 5 Dr Haidir travel award.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa risiko yang dikenal pasti perlu dinilai bagi memastikan prestasi kejayaan fakulti dapat dikekalkan. Risiko ini melibatkan faktor dalaman dan luaran yang berpotensi menjejaskan prestasi akademik, keberkesanan pengajaran, dan reputasi fakulti. Antaranya adalah, walaupun kadar kegagalan menurun daripada 0.86% (20242) kepada 0.24% (20244), terdapat risiko meningkat semula sekiranya intervensi awal tidak diteruskan atau sumber tenaga pengajar berpengalaman berkurangan dan terpaksa bergantung kepada lantikan pensyarah PTFT (Bukti 1). Pertambahan beban tugas dan KPI staf akademik (Bukti 2) dan kesibukan pelajar atlet juga boleh mengakibatkan kepada penurunan prestasi secara keseluruhan.

Peningkatan penerima biasiswa adalah satu pencapaian positif, namun peluang biasiswa bergantung kepada dasar pihak penaja luar. Sekiranya berlaku pengurangan dana biasiswa atau persaingan meningkat, ia dapat memberi kesan kepada kemampuan pelajar untuk menampung kos pengajian, seterusnya mempengaruhi prestasi akademik mereka.

Pelaksanaan Blended Learning dan MOOC telah memberikan impak positif, namun kejayaannya sangat bergantung pada kesediaan para pensyarah menyiapkan semua proses yang diperlukan. Kesibukan tugas dan beban kerja yang tinggi boleh menjejaskan komitmen pensyarah, sekali gus meningkatkan risiko kembali sepenuhnya kepada kaedah pengajaran tanpa elemen interaktif. Keadaan ini boleh menyukarkan pelajar, khususnya atlet yang berada di luar kampus, untuk mengikuti pembelajaran dengan berkesan. Manakala risiko utama bagi pelajar pula berkaitan masalah capaian internet dan motivasi belajar secara sendiri yang boleh menjejaskan tumpuan pembelajaran.

Data menunjukkan bahawa penglibatan staf dalam program profesional memberi impak positif terhadap reputasi fakulti. Namun, ketiadaan insentif atau pengiktirafan yang berterusan, ditambah pula dengan beban KPI (Bukti 3) yang tinggi serta jumlah staf yang terhad, boleh menjejaskan tahap penglibatan. Keadaan ini bukan sahaja mengurangkan peluang untuk membina rangkaian strategik, malah berpotensi melemahkan kerjasama dengan pihak industri.

Selain itu, walaupun pengiktirafan pelajar dalam bidang akademik dan kokurikulum memberi nilai tambah, terdapat risiko pelajar terlalu memberi tumpuan kepada aktiviti luar sehingga menjejaskan pencapaian akademik dan mengurangkan jumlah GOT di Fakulti (Bukti 4). Risiko-risiko ini, jika tidak diuruskan dengan teliti, boleh memberi kesan langsung kepada prestasi fakulti dan pelajar. Oleh itu, pemantauan berterusan, intervensi bersesuaian, dan strategi pengurusan risiko yang berkesan sentiasa diperlukan untuk memastikan kecemerlangan akademik dan profesional fakulti dapat terus dipertingkatkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20251\\_ACT BUKTI 1 Senarai pensyarah PTFT.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20252\\_ACT BUKTI 2 Penglibatan Pensyarah dalam Jawatankuasa dalam Fakulti.pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20253\\_ACT BUKTI 3. Konsolidasi KS SM March 2024.pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20254\\_ACT BUKTI 4 Perbandingan Pelajar Graduate On Time \(GOT\) 20242 20244 FSR.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) melaksanakan penambahbaikan berterusan berasaskan analisis data prestasi dan maklum balas pelajar. Pendekatan ini memastikan intervensi yang dilaksanakan selaras dengan matlamat strategik fakulti serta memberi impak langsung terhadap pencapaian pelajar dan staf.

Analisis prestasi akademik mengenal pasti kursus dengan kadar kegagalan tinggi, seterusnya mendorong pelaksanaan intervensi awal seperti pengemaskinian silibus, penilaian semula kaedah penilaian, dan pemantauan prestasi pelajar. Usaha ini menurunkan kadar kegagalan daripada 0.86% (20242) kepada 0.24% (20244), disahkan melalui penilaian semula kursus yang menunjukkan peningkatan jumlah pelajar lulus. Had bilangan pelajar mengikut ketetapan MQA (Bukti 1) turut dipatuhi bagi memastikan pembelajaran lebih fokus, manakala pensyarah menyediakan bimbingan berterusan dan latihan tambahan.

Keberkesanan bimbingan akademik dipantau melalui Sistem Maklumat Pelajar (SIMS), dengan garis panduan yang menggalakkan pertemuan penasihat akademik bersama pelajar pada awal dan akhir semester. Sesi ini membolehkan pemantauan perkembangan akademik dan pengesanan awal isu yang memerlukan intervensi (Bukti 2).

Data permohonan biasiswa menunjukkan peningkatan jumlah penerima (Bukti 3) hasil promosi dan bimbingan, namun sebahagian pelajar masih tidak memohon. Susulan itu, maklumat diperluas melalui platform SMF, di samping peranan penasihat akademik diperkukuh dalam memberi penerangan dan galakan berkaitan peluang biasiswa.

Inisiatif blended learning dan MOOC diperluas secara strategik dengan sokongan latihan dalaman dan platform digital yang stabil. Keberkesanan penggunaannya dipantau melalui laporan U-Future dan SuFO, manakala penyelaras e-pembelajaran membantu meningkatkan bilangan kursus yang mengaplikasikan pendigitalan dalam PdP.

Analisis turut mengenal pasti bahawa pengiktirafan kepada staf dan pelajar meningkatkan motivasi serta imej fakulti. Hebahan pencapaian melalui media sosial dan laman web rasmi didapati berkesan dalam meningkatkan keterlibatan komuniti dan menyokong reputasi universiti (Bukti 4).

Melalui pemantauan indikator prestasi utama (KPI) (Bukti 5) dan penilaian berterusan, FSR memastikan setiap penambahbaikan adalah berasaskan bukti dan memberikan manfaat langsung kepada kecemerlangan akademik pelajar serta pembangunan profesional staf.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20251\\_PENAMBAHBAIKAN ACT 1 FINAL JWK .xlsx.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20252\\_PENAMBAHBAIKAN ACT 2 PA - DR. SYAHIDA \(1\).pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20253\\_PENAMBAHBAIKAN ACT 3 SENARAI MAKLUMAT PELAJAR TAJAAN FSR.pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20254\\_PENAMBAHBAIKAN ACT 4 MAJLIS KECEMERLANGAN FSR 2024.pdf](#)
5. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20255\\_PENAMBAHBAIKAN ACT 5 KPI FSR.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSR telah mengintegrasikan penemuan daripada kesemua sembilan domain PdP ke dalam perancangan dan pelaksanaan strategik fakulti secara menyeluruh. Hasil analisis prestasi pelajar dari aspek kadar GOT, CGPA dan kadar kegagalan telah dijadikan sebagai asas dalam penyusunan semula kurikulum serta penambahbaikan struktur pengajian. Penjadualan waktu disusun dengan lebih strategik untuk mengelakkan pertindihan beban akademik, dan mengikut saiz kumpulan pelajar berdasarkan MQA. Penglibatan penasihat akademik bermula dari awal pengajian juga dijadikan komponen tetap dalam sistem sokongan pelajar di fakulti.

Bagi meningkatkan keberkesanan PdP, hasil SuFO dan laporan MyATP digunakan untuk merangka pelan latihan pensyarah secara lebih bersasar. Pensyarah yang mencatat skor rendah dalam PROPENS akan dinilai semula pada semester berikutnya, manakala pensyarah baharu akan dibimbing melalui pementoran dalaman serta latihan pedagogi yang sesuai (Bukti 1). Semua maklumat prestasi SuFO dan PROPENS akan diambil kira dalam proses penilaian pensyarah bagi memastikan usaha pembangunan profesional diselaraskan dengan keperluan semasa. Integrasi proses penilaian ini dilaksanakan untuk memastikan kualiti pengajaran sentiasa dipantau dan dipertingkatkan.

Dalam domain inovasi PdP, pelaksanaan blended learning dan MOOC bukan sahaja digalakkan, malah telah diwajibkan sebagai komponen dalam kursus baharu (Bukti 2). Elemen pengajaran berimpak tinggi seperti SULAM (Bukti 3) turut dimasukkan sebagai sebahagian daripada struktur kursus, menandakan integrasi yang jelas antara dasar kebangsaan dan amalan fakulti dilaksanakan secara seiring.

Pengurusan biasiswa kini lebih berstrategi, dengan pelajar dikenal pasti awal melalui SIMS dan data dalaman, membolehkan bimbingan disesuaikan mengikut profil pelajar. Maklumat berkaitan pelajar melalui penasihat akademik juga dianalisis untuk melihat pencapaian pelajar secara keseluruhan. Proses konsultasi bersama Penasihat Akademik dilihat sebagai elemen yang bernilai dalam membantu urusan akademik pelajar (Bukti 4). Sesi ini diharapkan dapat membantu pelajar dalam mencapai prestasi yang optimum serta merancang perjalanan akademik mereka dengan lebih teratur

Pencapaian pensyarah dan pelajar diintegrasikan ke dalam sistem MyATP (Bukti 5), laporan audit akademik dan pelaporan KPI fakulti. FSR turut menggunakan Power BI untuk monitor semua indikator secara interaktif dan boleh dicapai oleh pihak pengurusan, seterusnya memudahkan proses semakan dan perancangan. Secara keseluruhan, FSR telah berjaya menyepadukan dapatan, amalan dan refleksi PdP ke dalam satu ekosistem pengurusan akademik yang mantap, selaras dengan aspirasi universiti dan keperluan kemampunan Fakulti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_A01\\_AB05\\_20251\\_INTEGRATION BUKTI 1PERJUMPAAN BERSAMA PENSYARAH BAHARU DAN PENSYARAH PTFT.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB05\\_20252\\_INTEGRATION BUKTI 2 1SIJIL MOOC SPS505\\_RAZALI.pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB05\\_20253\\_INTEGRATION BUKTI 3 SENARAI PROGRAM SULAM \(2025\).xlsx.pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB05\\_20254\\_INTEGRATION BUKTI 4 PENASIHAT AKADEMIK OCT 2024 FEB 2025 SESI 20244 \(2\).pdf](#)
5. [F0047\\_A01\\_AB05\\_20255\\_INTEGRATION BUKTI 5 LAPORAN LNPT 2022-2024.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) UiTM mengamalkan kaedah pengurusan sumber manusia yang berkesan untuk menjayakan bidang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) selari dengan misi dan visi universiti. Strategi utama memberi tumpuan kepada pengurusan tenaga kerja, peningkatan kompetensi, budaya kerja kolaboratif, dan persekitaran kerja kondusif.

Dari aspek **penempatan dan pengambilan staf**, FSR memastikan penugasan dibuat mengikut kelayakan dan kepakaran. Tahun 2024 merekodkan 55 staf akademik dan 24 staf pentadbiran, dengan 27 berkelulusan PhD dan 27 Sarjana, khususnya dalam bidang Sains Sukan dan Pengurusan Sukan. Ini membolehkan PdP dilaksanakan secara lebih berkualiti dan efektif menerusi pelbagai bidang kepakaran setiap tenaga pengajar.

**Kepimpinan instruksional** diamalkan bagi memastikan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan objektif kualiti. Kolaborasi dengan agensi luar, pertukaran idea, dan inovasi PdP menjadi budaya kerja warga fakulti. **Pengiktirafan** formal dan tidak formal seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, sijil penghargaan, serta apresiasi di media sosial meningkatkan motivasi dan prestasi staf.

**Pembangunan profesional berterusan (CPD)** diberi penekanan melalui penyertaan staf dalam bengkel, seminar, persidangan, dan latihan teknologi PdP, memastikan kompetensi sentiasa relevan. Persekitaran kerja diperkukuh dengan penyelenggaraan berkala fasiliti PdP, penggunaan sistem akademik yang efisien, dan saluran komunikasi dua hala seperti mesyuarat, e-mel, WhatsApp, serta QR Code maklum balas.

Budaya **kolaborasi** diterapkan melalui pembinaan modul bersama, penyelidikan, dan perkongsian amalan terbaik. Penggunaan teknologi pendidikan seperti U-Future dan aplikasi interaktif meningkatkan penglibatan pelajar. **Pemantauan** kualiti PdP dilakukan melalui penilaian pelajar (PROPENS, SUFO), audit dalaman, dan soal selidik kepuasan. Laporan Indeks Kegembiraan UiTM menunjukkan skor konsisten 76% bagi 2023 dan 2024, menandakan tahap kepuasan warga fakulti yang stabil.

**Nilai-nilai ESI (Excellence, Synergy, Integrity)** dan i-DART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab) dihayati sebagai asas etika kerja. FSR juga menganjurkan program kesejahteraan seperti Hari Keluarga dan Majlis Kecemerlangan untuk menggalakkan semangat kerja positif.

### **Pendekatan PDCA dalam Pengurusan Sumber Manusia FSR**

#### **1. Plan (Perancangan)**

- Menetapkan KPI dan objektif kualiti PdP.
- Merancang penempatan staf mengikut kepakaran.
- Menyusun program pembangunan profesional dan latihan CPD.

#### **2. Do (Pelaksanaan)**

- Melaksanakan PdP dengan kepimpinan instruksional.
- Menganjurkan latihan, seminar, dan kolaborasi akademik.
- Memberi pengiktirafan formal dan tidak formal kepada staf.

#### **3. Check (Pemantauan)**

- Menilai keberkesanan PdP melalui PROPENS, SUFO, dan audit dalaman.
- Mengukur tahap kepuasan staf dan pelajar (Indeks Kegembiraan, soal selidik).

- Memantau keadaan fasiliti dan keberkesanan sistem kerja.

#### **4. Act (Tindakan Penambahbaikan)**

- Membuat penambahbaikan berasaskan maklum balas dan penilaian.
- Mengukuhkan budaya kolaborasi, inovasi, dan nilai ESI i-DART.
- Menambahbaik sistem kerja, kemudahan PdP, dan peluang pembangunan staf.

Pendekatan menyeluruh ini memastikan sumber manusia FSR diurus secara strategik, kompeten, dan berdaya saing, sekali gus meningkatkan kualiti PdP dan pencapaian akademik pelajar secara berterusan.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah pengurusan sumber manusia yang berkesan dalam menjayakan bidang pengajaran dan pembelajaran (PdP) di FSR adalah menggunakan sumber dalaman iaitu strategi yang memberi penekanan kepada pengurusan tenaga kerja, peningkatan kompetensi, dan persekitaran kerja yang kondusif.

Pendekatan melalui gaya kepimpinan dalam bidang PdP adalah memberi fokus utama kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pencapaian pembelajaran pelajar mengikut ketetapan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Objektif Kualiti FSR yang dirangka tercapai.

Pada tahun 2024, **FSR diberi 65 PI oleh pihak TRU dan sebanyak 12 PI dibawah Hal Ehwal Akademik (HEA)**. Justeru itu, FSR telah menetapkan **7 objektif kualiti FSR 2021-2025 sebagai sasaran pencapaian strategik. (BUKTI 1)**. Sejumlah 55 orang staf akademik dan 24 orang staf pentadbiran yang membentuk **budaya kerja secara berkolaboratif** dan melangkah bersama bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut misi dan visi universiti. Pembentukan budaya kerja kolaboratif warga Fakulti bersama melalui kerjasama, komunikasi, pertukaran idea, dan inovasi pengajaran telah membantu meningkatkan kualiti PdP seperti pengajaran kolaboratif dan urusan program akademik. **(BUKTI 2)**

Bagi memacu keberkesanan bidang PdP, FSR telah memastikan pengambilan dan penempatan sumber manusia secara strategik terutama staf akademik bersesuaian dengan kelayakan akademik dan kompetensi mengikut keperluan program FSR. Seramai **27 orang staf akademik yang mempunyai kelayakan Phd dan 27 orang mempunyai kelayakan Sarjana**, secara tidak langsung boleh meningkatkan keprofesionalan dalam bidang PdP. Staf akademik yang ditempatkan dalam bidang yang sesuai dengan kepakaran, pengajaran menjadi lebih berkesan dan berkualiti tinggi. Pada tahun 2021 hingga 2024, FSR telah menghantar **enam orang pensyarah menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah**. Sehingga tahun 2024, seramai dua pensyarah telah melapor diri di Fakulti, secara tidak langsung meningkatkan keserjanaan pensyarah dalam PdP. **(BUKTI 3)**

Amalan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Fakulti yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang PdP, secara tidak langsung meningkatkan motivasi dan semangat untuk mencapai objektif FSR. Bagi mewujudkan budaya kerja yang motivasi tinggi, **pengiktirafan formal** diberikan kepada warga FSR seperti **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** yang telah menunjukkan prestasi luar biasa. Selain itu, **sijil penghargaan** turut diberikan bagi pencapaian dan perkhidmatan yang cemerlang dalam bidang PdP. FSR turut menganjurkan **Majlis Apresiasi Staf** yang diadakan secara tahunan untuk menghargai dan mengiktiraf pencapaian staf, mengeratkan hubungan silaturrahim, meningkatkan motivasi setiap warga kerja untuk lebih cemerlang dalam bidang PdP. **(BUKTI 4)**

FSR menyediakan ruang dan peluang yang sama kepada warga Fakulti dalam mengikuti persidangan/ bengkel/ seminar/ latihan atau menghadiri kursus dan penganjuran konferensi dalam dan luar negara. Peluang yang diberikan dapat meningkatkan kemahiran, kecekapan dan perluaskan pengetahuan mengikut bidang masing-masing yang dikhususkan kepada bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran. **(BUKTI 5: Gambar rajah 1)**

FSR juga memberi penghargaan dan pengiktirafan **secara tidak formal**, seperti memberi ucapan terima kasih secara terbuka terutama dalam mesyuarat dan penghargaan di media sosial - Facebook, Instagram, website FSR bagi setiap pencapaian dan kejayaan telah yang dicapai dalam PdP. **(BUKTI 5: Gambar rajah 2)**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20251\\_Laporan Strategik FSR & Objektif Kualiti FSR 2024.pdf](#)
2. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20252\\_Amanat Dekan FSR 15 Feb 2024.pdf](#)

3. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20253\\_Senarai staf, Pakar, Bil. PhD, Cuti Belajar.pdf](#)
4. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20254\\_Majlis Kecemerlangan FSR 2024.pdf](#)
5. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20255\\_Senarai Latihan dan Penghargaan .pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan sumber manusia yang berkesan dalam sesebuah institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman staf akademik untuk menjayakan bidang PdP. Kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh staf akademik merupakan aset penting yang mampu meningkatkan kualiti pendidikan. Oleh itu, FSR telah melaksanakan pelbagai pendekatan yang berfokus kepada pementapan sumber manusia agar matlamat institusi tercapai dengan cemerlang.

Antara langkah utama ialah penempatan staf akademik FSR berdasarkan kepakaran dan kompetensi masing-masing. Setiap staf akademik diberikan tanggungjawab mengikut bidang pengkhususan dan pengalaman mereka dalam PdP supaya proses pengajaran menjadi lebih berkesan dan menyeluruh. Secara tidak langsung mereka dapat menguasai bidang yang diajari, lebih yakin, kreatif, dan bersemangat dalam menyampaikan ilmu. Ini juga memberi impak positif kepada pelajar dari segi kefahaman dan pencapaian akademik mereka. **(BUKTI 1: Sheet 3,4)**

Selain itu, **ketampakan (visibility)** FSR terserlah apabila kepakaran dan pengalaman staf akademik FSR diiktiraf dari dalam dan luar negara melalui penyaluran dan perluasan ilmu masing-masing. Sebagai contoh, lantikan sebagai *Visiting Research Fellow* dari German Sport University, Pakar Rujuk di Jabatan Belia dan Sukan, dan Pengarah Education Malaysia Indonesia Jabatan Pendidikan Tinggi. Pensyarah FSR juga dilantik untuk berkolaborasi kepakaran sebagai penceramah utama, penceramah di agensi-agensi dan antarabangsa. Proaktif dalam mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan dapat memberi impak positif kepada Fakulti dan UiTM secara keseluruhan serta memberi manfaat kepada pembangunan PdP dan pencapaian akademik pelajar. **(BUKTI 2).**

FSR juga menyediakan peluang latihan dan pembangunan profesional berterusan (Continuous Professional Development, CPD) kepada staf akademik seperti kursus peningkatan kemahiran/ bengkel/ seminar, serta latihan berkaitan teknologi dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Ianya penting untuk memastikan staf akademik sentiasa mengikut perkembangan terkini dalam dunia pengajaran dan pembelajaran dan sentiasa meningkatkan kemahiran mengikut keperluan semasa dan kurikulum program. **(BUKTI 3)**

Di samping itu, FSR menjalinkan hubungan luar bersama rakan strategik dan industri dalam meluaskan lagi kepakaran dan pengalaman. Galakkan budaya kolaborasi dikalangan FSR melalui memorandum persefahaman (MoU/ MoA) dan surat niat (*Letter of Intent*) melalui pembinaan modul, projek penyelidikan, dan perkongsian amalan terbaik terutama dalam penggunaan teknologi telah memperkukuhkan rangkaian ilmu dan mempertingkatkan kualiti PdP. **(BUKTI 4)**

Staf akademik FSR yang berprestasi tinggi diberi peluang dan kepercayaan oleh Pengurusan Tertinggi FSR untuk menerajui jawatan kepimpinan akademik seperti Timbalan-timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator, Penyelaras program, dan Penasihat Akademik. Ini bukan sahaja memberi pengiktirafan terhadap kepakaran mereka, malah membolehkan ilmu dan pengalaman mereka disebarikan secara lebih meluas **(BUKTI 5).**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_S01\\_SB03\\_20251\\_Senarai staf. Pakar. Bil. PhD. Cuti Belajar.pdf](#)
2. [F0047\\_S01\\_SB03\\_20252\\_Ketampakan \(Visibility\) FSR.pdf](#)
3. [F0047\\_S01\\_SB03\\_20253\\_Senarai Latihan 2024 .pdf](#)
4. [F0047\\_S01\\_SB03\\_20254\\_Senarai MoU. MoA, Lol FSR 2024.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSR mengamalkan dan menerapkan budaya komunikasi yang berkesan dalam fakulti. Bagi menggalakkan keharmonian bekerja warga FSR, komunikasi, memberi pendapat dan komen disalurkan melalui komunikasi dua hala secara terbuka, penggunaan email dan whatsapp. FSR menyediakan platform secara atas talian iaitu penggunaan QR Code Maklum balas Pelanggan FSR yang merangkumi perkhidmatan di kaunter, perkhidmatan dalam talian, perkhidmatan infrastruktur dan bangunan. Skala kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pengguna kepada staf adalah pada tahap sangat berpuashati. Kaedah ini sangat berkesan bagi menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini untuk meningkatkan pencapaian pengajaran dan pembelajaran ke arah yang lebih cemerlang. **(BUKTI 1)**

Dari aspek tahap kepuasan hati pelanggan, markah Indeks Kegembiraan untuk keseluruhan FSR bagi tahun 2024 adalah **76%** sama peratusan pada tahun 2023. Ini adalah berdasarkan Laporan Infografik Indeks Kegembiraan UiTM 6.0 menunjukkan indeks kegembiraan FSR yang sama terhadap emosi positif, keterlibatan, hubungan makna, pencapaian dan infrastruktur. Secara keseluruhan, setiap aktiviti yang dirangka oleh FSR berjaya mencapai kegembiraan warga Fakulti dengan memenuhi kepuasan hati dan keperluan warga Fakulti seperti program-program yang digerakkan oleh Kelab Keluarga FSR, Program Sehari FSR. **(BUKTI 2)**

**Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) FSR** juga dijadikan sebagai platform untuk memantau tahap kepuasan hati dan memberi indikator terhadap kejayaan FSR dalam mencapai dan memenuhi kehendak PI dan Objektif Kualiti FSR terutama dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, ia juga sebagai penunjuk mengenal pasti isu-isu yang memerlukan penyelesaian, membuat keputusan yang positif, dan memenuhi keperluan pelanggan serta pihak berkepentingan. **(BUKTI 3).**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20251\\_QR Code & Laporan Maklum balas pelanggan FSR.pdf](#)
2. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20252\\_UHI6.0 FSR.pdf](#)
3. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20253\\_MKSP FSR 2024.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dalam pengurusan sumber manusia di FSR merupakan perkara utama dalam memastikan penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan prestasi dan kegembiraan warga dapat dicapai.

FSR mengenal pasti risiko yang bakal dihadapi sangat penting sebelum melaksanakan sesuatu aktiviti melalui perbincangan dalam **Bengkel Perancangan Strategik FSR terutama bidang PdP**. Pengenalpastian risiko dalam pengurusan sumber manusia di FSR adalah **isu kekurangan staf** melalui **penilaian terhadap kekosongan jawatan sedia ada dan unjuran keperluan staf** setiap tahun. Penilaian ini mengambil kira pertambahan enrolmen pelajar, keperluan kursus baharu, bidang kepakaran tertentu, dan faktor persaraan, penamatan kontrak atau pertukaran staf. Bidang-bidang kritikal yang memerlukan tenaga pakar seperti sains sukan prestasi tinggi, fisiologi senaman, rekreasi luar, dan pengurusan acara sukan turut dikenal pasti. **(BUKTI 1)**

Seterusnya, analisis dan penilaian risiko dilaksanakan untuk menentukan impak kekurangan staf terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran, beban kerja staf sedia ada, serta keupayaan fakulti dalam menjalankan penyelidikan dan khidmat masyarakat. Tahap risiko ini diukur menggunakan matriks risiko bagi mengenal pasti keutamaan tindakan.

FSR telah merancang strategi yang dibahagikan kepada dua iaitu jangka masa pendek dan panjang. Dalam jangka masa pendek, FSR telah **mengatur jadual kuliah secara strategik** bagi mengoptimalkan penggunaan staf sedia ada dan melaksanakan kelas hibrid bagi mengurangkan tekanan jadual fizikal. FSR turut mendapatkan khidmat **Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa) (PTFT)** bagi mengisi kekurangan staf akademik bagi setiap semester. **(BUKTI 2)**. Bagi jangka masa panjang, FSR mengemukakan unjuran keperluan staf kepada Pejabat Pendaftar, UiTM bagi memohon tambahan staf akademik bagi memastikan urusan PdP berjalan dengan lancar. **(BUKTI 3)**

FSR memantau dan mengawasi nisbah staf kepada pelajar secara berkala, menilai prestasi staf akademik bagi memastikan kualiti pengajaran dan staf sedia ada mendapat sokongan beban kerja yang seimbang. **(BUKTI 4)**

Akhir sekali, tindakan penambahbaikan berterusan dilaksanakan dengan mengemas kini pelan tenaga kerja setiap tahun selaras dengan perubahan enrolmen dan dasar universiti, meningkatkan pakej ganjaran dan insentif untuk menarik staf berkualiti, serta melaksanakan program pembangunan kerjaya bagi meningkatkan kadar kekal staf. Pendekatan ini membolehkan FSR menangani isu kekurangan staf secara proaktif, sistematik dan berkesan demi memastikan kelancaran operasi pengajaran dan pembelajaran.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20251\\_PELAN STRATEGIK HEA FSR 2024 .pdf](#)
2. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20252\\_JADUAL WAKTU KULIAH PENSYARAH & PTFT.pdf](#)
3. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20253\\_Kelulusan Pengisian Jawatan Baharu Akademik \(Tetap\) Di FSR Bagi Tahun 2024.pdf](#)
4. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20254\\_MKSP FSR 2024.pdf](#)
- 5.

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif, pengurusan melaksanakan pelbagai langkah strategik yang menekankan aspek keselamatan, keselesaan, dan keberkesanan PdP. Dari segi **persekitaran fizikal**, FSR memastikan bilik-bilik kuliah, dewan kuliah, Makmal-makmal FSR sentiasa bersih, selamat, dan teratur dengan menyediakan kemudahan asas yang mencukupi, pengudaraan yang baik, peralatan makmal yang selamat digunakan. Peralatan makmal-makmal diselenggara secara berkala supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan semasa sesi PdP. **(BUKTI 1)**

Bagi aspek **pengurusan sistem kerja**, suasana persekitaran kerja yang selesa membantu kelancaran tugas di Fakulti terutama aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran. Fakulti telah menggunakan sistem-sistem akademik bagi mewujudkan persekitaran kerja yang efisien dan mengukuhkan kerjasama antara staf. Jadual waktu pengajaran dan pembelajaran yang teratur dan jelas, disusun agar setiap tugas dapat dilaksanakan secara sistematik, efisien, dan adil. **(BUKTI 2)**

Dari sudut **sokongan organisasi**, mewujudkan saluran komunikasi dua hala yang efektif dan terbuka untuk menerima dan memberi maklum balas bagi menyelesaikan isu yang timbul. FSR menyediakan QR code Maklumbalas Pelanggan dan Cadangan/ Aduan untuk mendapatkan maklumbalas berkaitan perkhidmatan yang disediakan dan platform yang mudah kepada pengguna (pelajar/ staf) untuk mengemukakan aduan serta cadangan. Selain itu, Sistem E-aduan juga merupakan salah satu kelaziman di FSR dalam menyampaikan aduan berkaitan fasiliti. Tumpuan kepada mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan utama dibincangkan dalam MKSP FSR yang melibatkan Pengurusan Kanan FSR, KPP dan KP untuk penambahbaikan berterusan. Tindakan pembedahan dan penambahbaikan ini kemudiannya dikongsi kepada warga FSR bagi memastikan semua warga memahami tindakan yang wajar diambil perhatian. **(BUKTI 3)**

Selain itu, faktor **kesejahteraan psikososial** turut diberi perhatian dengan menggalakkan budaya kerja positif, saling menghormati, dan kerjasama antara rakan sekerja. Program kesejahteraan seperti aktiviti Hari Keluarga FSR, Sambutan Hari Raya FSR, dan Majlis Kecemerlangan FSR diadakan bagi meningkatkan semangat kerja dan mengurangkan tekanan. **(BUKTI 4)**

Pemantauan berterusan melalui Audit Dalaman FSR dan Audit Pematuhan Etika FSR, soal selidik kepuasan staf, dan laporan prestasi juga dilakukan untuk mengenal pasti kelemahan serta melaksanakan penambahbaikan secara berterusan. Melalui pendekatan menyeluruh ini, persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif dapat dipelihara demi memastikan produktiviti dan kesejahteraan semua warga Fakulti berada pada tahap optimum. **(BUKTI 5)**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20251\\_KEMUDAHAN FASILITI FSR.pdf](#)
2. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20252\\_JADUAL WAKTU KULIAH PENSYARAH.pdf](#)
3. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20253\\_MKSP FSR 2024.pdf](#)
4. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20254\\_LAPORAN HARI KELUARGA FSR.pdf](#)
5. [F0047\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20255\\_LAPORAN AUDIT PEMATUHAN ETIKA\\_FSR.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran dapat diukur melalui perubahan sikap, amalan dan nilai kerja yang diamalkan secara konsisten oleh warga Fakulti serta pelajar. Keberkesanan penambahbaikan secara berterusan mewujudkan budaya kerja yang berkualiti dan sentiasa berusaha memperbaiki kaedah serta strategi bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Apabila tindakan penambahbaikan dilaksanakan dengan terancang, ianya mendorong pembentukan norma baharu yang mengutamakan inovasi, kolaborasi, dan profesionalisme. **(BUKTI 1)**

Pembudayaan dalam menerapkan nilai-nilai ESI i-DART turut diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran dikalangan warga Fakulti. ESI iDART menekankan tiga nilai iaitu (*Excellence, Synergy, Integrity*) merupakan intipati utama dalam membuat keputusan dan tindakan. Manakala i-DART adalah nilai asas iaitu Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab yang perlu dihayati dan diamalkan dalam diri setiap warga Fakulti. **(BUKTI 2)**

Pembudayaan dikalangan staf akademik, dapat dilihat melalui penggunaan pendekatan pengajaran yang lebih kreatif, interaktif, dan berpusatkan pelajar. Staf akademik memanfaatkan teknologi pendidikan secara optimum seperti platform e-pembelajaran, aplikasi interaktif, dan bahan digital untuk meningkatkan penglibatan pelajar. Sebagai contoh, **penggunaan AIMS (Academic Information Management System)** merupakan platform pembelajaran secara atas talian, pelajar boleh mendapatkan maklumat lengkap mengenai subjek yang diajar pada bila-bila masa dan meningkatkan kualiti PdP. **(BUKTI 3)**

FSR mengamalkan pembudayaan kerja yang baik seiring dengan ganjaran yang diberikan. FSR mengiktiraf pencapaian dengan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Akademik peringkat FSR melalui Majlis Kecemerlangan FSR yang diadakan setiap tahun. Secara tidak langsung dapat meningkatkan dan menggalakkan kompetensi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran pada tahap yang optimum. **(BUKTI 4)**

Selain itu, perkongsian amalan terbaik, perbincangan profesional, dan kerjasama dalam membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran menjadi budaya FSR dan semakin kukuh. Sebagai contoh, **Mesyuarat Jabatan** diadakan bagi memastikan setiap individu dapat meningkatkan pengetahuan dan berkongsi amalan terbaik untuk menyumbang kepada peningkatan kompetensi secara kolektif, sekali gus mengukuhkan hubungan kerja yang harmoni dan produktif. Budaya saling menyokong ini turut memberi kesan positif kepada kualiti pengajaran kerana idea dan inovasi dapat dihasilkan melalui sinergi bersama. **(BUKTI 5)**

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_S01\\_SB05\\_20251\\_PENYERTAAN INOVASI .pdf](#)
2. [F0047\\_S01\\_SB05\\_20252\\_Amanat Dekan FSR 15 Feb 2024.pdf](#)
3. [F0047\\_S01\\_SB05\\_20253\\_SENARAI SISTEM.pdf](#)
4. [F0047\\_S01\\_SB05\\_20254\\_Majlis Kecemerlangan FSR 2024.pdf](#)
5. [F0047\\_S01\\_SB05\\_20255\\_MINIT MESYUARAT\\_JABATAN\\_PENGURUSAN\\_SUKAN.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) beroperasi dalam satu ekosistem yang komprehensif dengan penghayatan kepada budaya kerja cemerlang, berkualiti dan berimpak tinggi kepada semua pemegang taruh. **Pendekatan ini** selari dengan aspirasi UiTM untuk menjadi universiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan menjelang tahun 2025, seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Pelan Strategik UiTM 2025.

Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP), FSR mengamalkan **pendekatan** berasaskan model **PDCA (Plan-Do-Check-Act)** untuk merancang dan melaksanakan operasi kerja. Perancangan operasi PdP mengambil kira keperluan silibus terkini, kehendak pelajar, kelayakan pensyarah, serta sokongan pentadbiran yang cekap. Pelbagai sumber dalaman seperti dasar, pekeliling, peraturan dan manual rasmi universiti dirujuk bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan institusi dan jaminan kualiti akademik.

FSR **melaksanakan** PdP secara sistematik melalui pendekatan yang relevan dan dirancang dengan teliti, dengan memberi fokus kepada penyampaian yang efektif dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. **Pelaksanaan** ini turut merangkumi kepatuhan terhadap sistem pengurusan kualiti, kawalan kos operasi dan pengurusan risiko. Proses kerja dan pelaksanaan PdP adalah berpandukan kepada pekeliling dan garis panduan rasmi universiti, yang memastikan penyelarasan berterusan antara objektif institusi dan pelaksanaan di peringkat fakulti.

FSR sentiasa **menilai dan mempelajari** keberkesanan proses PdP melalui sistem pemantauan berstruktur seperti mesyuarat MPT, JKAPS, JAF dan MKSP, serta melalui instrumen penilaian seperti EES, SuFO, PROPENS, TESA, TEX dan dokumen pemantauan kualiti kurikulum seperti COPPA (CDL-CQI). Dapatan daripada **penilaian ini** digunakan untuk mengenal pasti kekuatan dan ruang penambahbaikan. FSR memanfaatkan maklum balas pelajar dan pensyarah secara berterusan dalam usaha memperkukuh kualiti PdP yang bersifat reflektif dan responsif terhadap perubahan keperluan akademik dan industri.

Amalan terbaik yang diperolehi daripada pembelajaran dan penambahbaikan **disepadukan** ke dalam sistem kerja FSR secara holistik. Sinergi antara staf akademik, pentadbiran dan pelajar diperkukuh untuk memastikan operasi fakulti lebih berkesan dan responsif. Tindakan susulan terhadap data kaji selidik pelajar dijadikan asas untuk memperbaiki proses PdP secara menyeluruh. Di samping itu, FSR **mengintegrasikan** nilai profesionalisme dan pembangunan sahsiah dalam kurikulum sebagai langkah strategik dalam melahirkan graduan yang seimbang, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran kerjaya dalam dunia sebenar.

Pendekatan holistik FSR yang menekankan kepada keseimbangan antara ilmu, kemahiran dan nilai jelas membuktikan komitmennya terhadap pembangunan pelajar yang bersepadu dan relevan dengan keperluan industri. Melalui amalan ADLI yang konsisten, FSR bukan sahaja menyumbang kepada kecemerlangan individu pelajar, malah turut memainkan peranan strategik dalam pembangunan masyarakat dan industri negara.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memenuhi aspirasi GRU2025 UiTM, FSR merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara sistematik dan strategik melalui pendekatan yang menyeluruh dan berfasa. Pemerkasaan PdP dilaksanakan melalui pengembangan kurikulum yang holistik, berpandukan dasar dan strategi universiti serta keperluan semasa industri dan pelajar.

Perancangan PdP di FSR dibahagikan kepada dua peringkat utama iaitu:

1. Peringkat Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) yang diterajui oleh Timbalan Dekan Akademik (TDA), dan
2. Peringkat pentadbiran fakulti, yang diketuai oleh Timbalan Pendaftar Pentadbiran.

Kedua-dua struktur ini bergerak secara selari dan terselaras bagi memastikan pelaksanaan PdP berjalan lancar, berimpak tinggi dan mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) serta Manual Kualiti FSR**. Keberkesanan pelaksanaan turut diperkukuh dengan penubuhan pelbagai **jawatankuasa kerja yang bertanggungjawab terhadap pemantauan dan pencapaian indikator utama prestasi (KPI) berkaitan PdP**. Semua aktiviti PdP berlandaskan dasar, peraturan, garis panduan serta manual rasmi UiTM bagi menjamin pematuhan dan kualiti berterusan.

Bagi menjamin kualiti dan keberkesanan program akademik, semua program di FSR telah mendapat **status akreditasi penuh daripada MQA** dan tertakluk kepada proses semakan kurikulum berkala (setiap tiga hingga lima tahun). Proses semakan ini memastikan kurikulum kekal relevan dan memenuhi keperluan industri serta mematuhi kehendak audit pematuhan MQA. Kurikulum turut diperluas dengan penawaran program dari peringkat diploma hingga ke doktor falsafah, mencerminkan komitmen fakulti terhadap inovasi dan pertumbuhan akademik berterusan.

Pelaksanaan kurikulum holistik pula disokong oleh pengurusan PdP yang sistematik dan berasaskan **pendekatan Outcome-Based Education (OBE)**. **Silibus distrukturkan untuk mencapai Program Educational Objectives (PEO), Program Learning Outcomes (PLO) dan Course Learning Outcomes (CLO)**. Hasil pembelajaran yang disasarkan selaras dengan **11 Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)** yang meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

Dalam aspek penilaian dan pentaksiran pelajar, FSR mengguna pakai **Structured Assessment Mechanism (SAM)** yang sejajar dengan **Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM 2021**. Penilaian dilakukan secara formatif dan sumatif bagi menilai pencapaian pelajar secara menyeluruh. Setiap instrumen penilaian dibangunkan berasaskan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU/JSUB) serta disertakan dengan rubrik penilaian yang memastikan keadilan, ketelusan dan konsistensi dalam proses menilai hasil pembelajaran pelajar.

Dari aspek inovasi PdP, FSR turut memperkenalkan subjek-subjek **Collaborative Teaching** melalui **CIDL UiTM**, sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Sistem Pengajaran Kolaboratif universiti. FSR juga mengoptimumkan penggunaan teknologi pendidikan, termasuk platform pembelajaran dalam talian, sumber digital, serta alat interaktif bagi memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar.

Penilaian berterusan dilaksanakan melalui **maklum balas pelajar dan pensyarah** yang dikumpulkan secara sistematik, diikuti dengan penambahbaikan berdasarkan dapatan. FSR komited untuk mengkaji semula dan menambah baik strategi PdP dari semasa ke semasa, sebagai bukti keutamaan terhadap kualiti, keberkesanan dan inovasi dalam pendidikan tinggi.

### SENARAI BUKTI:

1. [F0047 O01 OB02 20251 MQA.pdf](#)

- 
2. [F0047\\_O01\\_OB02\\_20252\\_SOW SAMPLE.pdf](#)
  3. [F0047\\_O01\\_OB02\\_20253\\_PELAKSANAAN STRUCTURED ASSESSMENT MECHANISM \(SAM\) BAGI SEMESTER OKT 2023-FEB 2024.pdf](#)
  - 4.
  - 5.

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi menyokong aspirasi GRU2025 UiTM, FSR komited melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkualiti tinggi, relevan dan berdaya saing dengan berpandukan model Plan–Do–Check–Action (PDCA) secara sistematik.

FSR memulakan langkah **perancangan (Plan)** dengan mengenal pasti keperluan dan harapan pelajar, analisis perubahan dalam bidang pendidikan tinggi serta perkembangan dalam industri sains sukan dan rekreasi. Analisis ini membantu dalam menyusun strategi pengajaran yang selari dengan keperluan semasa dan masa depan.

Bagi memantapkan proses pembangunan dan pengembangan kurikulum, FSR menubuhkan jawatan kuasa khusus seperti **AJK Semakan Kurikulum, AJK Self Review Report (SRR), dan AJK Akreditasi (IQA04) Program. (Bukti 1)**

Kurikulum yang dirangka bukan sahaja menekankan pengetahuan asas, tetapi turut mengintegrasikan kemahiran insaniah seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kreativiti dan komunikasi berkesan seiring dengan keperluan industri dan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Di samping itu, **perancangan keperluan tenaga pengajar** turut dilaksanakan oleh Ketua Pusat Pengajian bagi memastikan pengagihan konteks syarahan yang bersesuaian. **(Bukti 2)**

Dalam fasa **pelaksanaan (Do)**, PdP dilaksanakan berdasarkan perancangan yang telah dirangka dengan rapi. Pelaksanaan diselaraskan melalui pelantikan **Resource Person (RP) dan Lecturer in Charge (LiC)** di semua kampus FSR untuk memastikan kelancaran dan keseragaman kurikulum. **(Bukti 3)**

Arahan pelaksanaan PdP disampaikan melalui **Pekeliling Dekan dan TNCAA**, sementara **Kalender Akademik dan Jadual Waktu Kuliah** diedarkan lebih awal untuk membantu pensyarah menyediakan Pelan Pengajaran (SOW) secara terancang.

Kaedah pengajaran FSR melangkaui kaedah tradisional dan menggalakkan penggunaan teknologi pendidikan, pembelajaran berpusatkan pelajar, projek aplikasi praktikal, pembelajaran kolaboratif dan kuliah interaktif.

FSR juga mengadaptasi teknologi seperti platform pembelajaran dalam talian, sumber pembelajaran digital, dan alat interaktif untuk memperkaya pengalaman PdP serta meningkatkan akses dan keberkesanan pembelajaran pelajar.

**Fasa semak dan nilai (Check)** dilaksanakan melalui sistem pemantauan yang berstruktur. Setiap RP bertanggungjawab menyediakan Course Assessment Plan (CAP) yang kemudiannya dimaklumkan oleh LiC kepada pelajar. Penilaian pelajar pula dilaksanakan berlandaskan **Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM (2021), JSU/JSUB, dan rubrik penilaian** bagi memastikan ketelusan dan keseragaman pentaksiran.

Pemantauan juga dilaksanakan melalui **Mesyuarat Validasi Keputusan Peperiksaan Fakulti, Mesyuarat JAF Khas Peperiksaan, (Bukti 4)** serta pematuhan kepada dokumen rujukan seperti **COPPA, Peraturan Akademik, dan Garis Panduan Amalan Terbaik MQA.**

Maklum balas pelajar dan pensyarah dikumpulkan secara berkala dan menjadi asas kepada proses semak dan imbang dalam meningkatkan kualiti PdP.

Setiap dapatan daripada proses pemantauan dijadikan asas kepada **tindakan penambahbaikan (Act)** secara berterusan. FSR mengambil tindakan proaktif untuk memperbaiki elemen PdP yang dikenal pasti memerlukan peningkatan. Ini termasuk penyesuaian strategi pengajaran, penambahbaikan kandungan kursus, penambahan elemen digital dalam PdP, serta peningkatan kompetensi pengajar.

inisiatif penambahbaikan juga melibatkan penyemakan semua kurikulum secara berkala (setiap 3–5 tahun) serta pemantapan inovasi PdP melalui kerjasama dengan CIDL UiTM untuk melaksanakan Collaborative Teaching dan pengajaran silang kampus. **(Bukti 5)**

Secara keseluruhan, pelaksanaan PdP di FSR mengikuti pendekatan PDCA yang konsisten di peringkat UiTM, dengan penekanan kepada perancangan berasaskan analisis keperluan, pelaksanaan yang disokong struktur dan teknologi terkini, pemantauan berstruktur berpandukan dasar dan garis panduan universiti, serta tindakan penambahbaikan yang berterusan berdasarkan data dan maklum balas untuk melahirkan graduan yang bersedia menghadapi cabaran dunia sebenar dalam bidang sains sukan dan rekreasi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_O01\\_OB03\\_20251\\_2024 PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUAS PENYEDIA DOKUMEN AUDIT PEMATUHAN \(IQA04\).pdf](#)
2. [F0047\\_O01\\_OB03\\_20252\\_4\\_Konsolidasi Permohonan PTFT SM March 2024 updated jan 8 2024.xlsx - KS Pensyarah SM \(1\).pdf](#)
3. [F0047\\_O01\\_OB03\\_20253\\_2025 SENARAI RP & LIC SEMUA KAMPUS FSR.xlsx - RP & LIC SEMUA PROGRAM.pdf](#)
4. [F0047\\_O01\\_OB03\\_20254\\_Minit Mesyuarat JAF Bil.3-2024 SR Mk. I AKNC 2024.pdf](#)
5. [F0047\\_O01\\_OB03\\_20255\\_CIDL FSR - CAMPUSCT1418-0324.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSR sentiasa menekankan kepentingan pemantauan dan penilaian berterusan sebagai mekanisme utama untuk menjamin pelaksanaan objektif strategik dan kelestarian pencapaian dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Beberapa instrumen seperti **Entrance-Exit Survey, Student Feedback Online (SuFO), dan PROPENS** dilaksanakan secara berkala setiap semester, selaras dengan **Kalendar Akademik UiTM**. Tujuan utama adalah untuk menilai keberkesanan penyampaian PdP, mengenal pasti jurang pelaksanaan, dan mengenalpasti ruang penambahbaikan secara berstruktur.

Hasil pemantauan dianalisis secara sistematik oleh **jawatankuasa yang berkaitan di bawah Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)**. Analisis ini memberi gambaran menyeluruh tentang kekuatan dan kelemahan pelaksanaan PdP, serta membolehkan intervensi yang tepat dan berfokus dirancang dan dilaksanakan. Perlantikan penasihat akademik juga dilaksanakan. Maklum balas berkaitan kaedah pengajaran, kesesuaian bahan bantu mengajar, dan penyampaian kuliah digunakan untuk memperkukuh latihan penyarah serta mengoptimumkan pendekatan PdP yang inovatif dan relevan.

Data yang dikumpul turut digunakan untuk menyokong pelaksanaan inisiatif strategik fakulti, termasuk pemerksaan kurikulum dan peningkatan kepuasan pelajar. Tindakan penambahbaikan yang diambil seperti penyelarasan semula SOW, penambahbaikan rubrik penilaian dan pemerksaan penggunaan teknologi pengajaran dikongsi secara terbuka melalui mesyuarat fakulti, taklimat staf dan hebahan rasmi.

Dalam aspek pengurusan risiko, FSR telah mendaftarkan dan menilai daftar risiko akademik dan operasi PdP, khususnya berkaitan isu kekangan tenaga pengajar, capaian platform pembelajaran, atau ketidaksamaan pelaksanaan PdP antara kampus. Langkah pencegahan dan mitigasi telah dikenalpasti dan dilaksanakan, contohnya **Pelantikan RP dan LiC** bagi menyelaraskan kandungan PdP, **pemantauan penggunaan teknologi pengajaran** di kampus cawangan, dan **latihan berkala bagi penyarah berkaitan pedagogi digital**.

Sebarang ketidaktentuan dalam PdP ditangani bukan hanya dengan langkah pembetulan, tetapi juga dengan tindakan peningkatan yang berpandukan **prinsip kitaran penambahbaikan berterusan (CQI)**. Proses ini menggalakkan budaya penambahbaikan yang proaktif dan berasaskan bukti.

Melalui pelaksanaan yang sistematik ini, hasil jangkaan yang disasarkan oleh FSR termasuklah peningkatan skor kepuasan pelajar terhadap PdP (melalui **SuFO dan Exit Survey**), kesan positif terhadap pencapaian pelajar melalui pentaksiran berstruktur, peningkatan kadar akreditasi program hasil penambahbaikan kurikulum berdasarkan data pemantauan, dan kelestarian kualiti penyampaian PdP merentas kampus melalui tindakan mitigasi risiko yang berkesan.

Semua tindakan hasil analisis dikongsi kepada warga fakulti secara telus dan berjadual, memastikan penyertaan menyeluruh staf dalam proses peningkatan kualiti, sekaligus memperkukuh budaya akauntabiliti dan profesionalisme.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20251\\_SUFO FSR.pdf](#)
2. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20252\\_LAPORAN AIMS PRO-PENS 20244 FSR \(1\).pdf](#)
3. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20253\\_Pemakluman dan pemantauan RP.pdf](#)
4. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20254\\_Senarai Penasihat Akademik.pdf](#)
5. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20255\\_Penghantaran Laporan Closing The Loop - Continuous](#)



## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FSR komited untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi melalui pengurusan risiko yang sistematik dan berterusan. FSR menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mengendalikan risiko secara sistematik. Pendekatan ini melibatkan pemantauan, analisis dan tindakan penambahbaikan berdasarkan maklum balas pelanggan (pelajar) bagi menjamin kelestarian pencapaian dan keberkesanan pelaksanaan strategi fakulti. Penilaian impak risiko dilaksanakan berdasarkan daftar risiko FSR bagi mengenal pasti risiko di peringkat awal supaya pelan mitigasi risiko dapat dirangka tanpa memudaratkan operasi PdP FSR.

Pemantauan berkala dilaksanakan melalui instrumen seperti **Entrance-Exit Survey, Student Feedback Online (SuFO), dan PROPENS**. Data yang diperoleh dianalisis oleh **Jawatankuasa Kualiti Akademik dan Unit Kualiti Fakulti** bagi mengenal pasti trend kepuasan, isu kritikal dan potensi risiko.

Beberapa risiko utama yang telah dikenal pasti termasuk:

### 1. Ketidaktepatan dengan Perkembangan Industri

Bagi memastikan kurikulum sentiasa relevan, FSR menjalankan **semakan berkala** (setiap 3–5 tahun) dan melibatkan **alumni serta pemain industri** dalam proses validasi kandungan.

### 2. Penolakan terhadap Kaedah Pengajaran Inovatif

Terdapat cabaran dalam penerimaan teknologi dan kaedah PdP baharu. **Latihan, bengkel pedagogi digital, dan sesi perkongsian amalan terbaik** dilaksanakan secara konsisten untuk meningkatkan literasi digital.

### 3. Cabaran Teknologi dan Literasi Digital

FSR menyediakan sokongan teknikal, latihan serta memanfaatkan platform rasmi UiTM seperti **UFuture** bagi mengurangkan kesan kelemahan capaian dan kemahiran teknologi.

### 4. Kawalan Kualiti dalam PdP Dalam Talian

Panduan reka bentuk kursus disediakan dan dipantau oleh LiC, manakala audit dalaman dilakukan bagi menjamin konsistensi dan kualiti PdP digital.

Setiap analisis risiko dan maklum balas ditindak secara efisien, termasuk semakan SOW, penyemakan rubrik, penyesuaian kaedah pengajaran serta peningkatan sumber PdP. Tindakan ini dikongsi melalui **Mesyuarat Akademik, laporan kualiti dan bengkel dalaman**.

Melalui pendekatan ini, FSR bukan sahaja mengurangkan risiko pelaksanaan strategi, tetapi turut memastikan maklum balas pelanggan diterjemah kepada penambahbaikan yang menyumbang kepada kelestarian pencapaian. Hasil jangkaan termasuk peningkatan SuFO  $\geq$  85%, kualiti PdP dalam talian yang mantap, dan kurikulum yang relevan dengan kehendak industri.

## **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20251\\_CARTA ORGANISASI AJK PEMILIK RISIKO FSR 2023-2025.pdf](#)
2. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20252\\_daftar risiko 2023 dan 2024.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan mengenali semula dan menambah baik risiko yang dikenal pasti merupakan langkah strategik FSR dalam menjamin keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Proses ini dilaksanakan secara sistematik melalui pelaksanaan pemantauan, penganalisisan data dan maklumat, serta pelaksanaan tindakan susulan yang efisien dan efektif. Hasil analisis dan tindakan penambahbaikan juga dikongsi kepada warga fakulti melalui pelbagai saluran rasmi.

#### 1. Pemantauan dan Penilaian Berkala

FSR melaksanakan pemantauan berjadual terhadap kesesuaian kurikulum dengan keperluan industri semasa melalui **semakan kurikulum berkala**. Proses ini merangkumi analisis kandungan kursus, perbandingan dengan kehendak industri, dan penglibatan pihak berkepentingan seperti alumni dan wakil industri. Hasil pemantauan dianalisis oleh **Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Unit Penjaminan Kualiti Fakulti** untuk mengenal pasti jurang, seterusnya mendorong penambahbaikan kandungan dan pendekatan PdP.

#### 2. Pendaftaran dan Penilaian Risiko

Risiko-risiko kritikal seperti penolakan terhadap pedagogi inovatif dan isu literasi digital telah didaftarkan, dinilai dan dianalisis. Berdasarkan analisis ini, tindakan pencegahan dan penambahbaikan telah dilaksanakan termasuk **pelaksanaan bengkel pedagogi digital, latihan teknologi** untuk pensyarah dan pelajar, serta penerapan amalan terbaik melalui sesi perkongsian dalaman.

#### 3. Pengumpulan dan Analisis Data

Data diperolehi melalui pelbagai instrumen seperti **Student Feedback Online (SuFO), PROPENS** dan **tinjauan kursus**. Data ini dikumpul dan dianalisis untuk mengenal pasti isu keberkesanan PdP, persepsi pelajar serta prestasi kursus dalam talian. Hasil analisis digunakan sebagai asas untuk penambahbaikan reka bentuk kursus, penilaian dan kaedah penyampaian PdP.

#### 4. Pelaksanaan dan Perkongsian Tindakan Penambahbaikan

Tindakan susulan dilaksanakan secara terancang seperti pengemaskinian SOW, penyemakan rubrik penilaian, peningkatan capaian bahan digital, dan penambahbaikan infrastruktur PdP. Tindakan ini dikongsi kepada seluruh warga fakulti melalui **Amanat Dekan, Mesyuarat Akademik Fakulti, laporan jaminan kualiti** dan **bengkel pemantapan PdP**.

Melalui pelaksanaan tumpuan operasi ini, FSR bukan sahaja menangani risiko secara proaktif, malah memperkukuh budaya penambahbaikan berterusan selaras dengan perubahan industri (Laporan tahap kepuasan majikan) dan keperluan pelajar. Pendekatan ini memastikan FSR terus relevan dalam menyampaikan pendidikan berkualiti tinggi yang mampan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20251\\_Taklimat Akademik 10 OKTOBER 2024.pdf](#)
2. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20252\\_Amanat Dekan FSR 15 Feb 2024.pdf](#)
3. [F0047\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20253\\_Laporan Tahap Kepuasan Majikan.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) telah dibuktikan melalui pencapaian berterusan yang selari **dengan pelaksanaan Outcome-Based Education (OBE)** dan **amalan penambahbaikan berterusan (CQI)**. Keberkesanan tindakan penambahbaikan ini telah membentuk budaya kerja yang berfokuskan kualiti, inovasi dan kesepaduan antara dasar institusi dan pelaksanaan fakulti.

Pembudayaan pembangunan dan pengembangan kurikulum dilaksanakan secara sistematik melalui kolaborasi antara Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan Unit Kualiti FSR, yang memastikan semua penambahbaikan kurikulum adalah berlandaskan data, relevan dengan industri, dan sejajar dengan kehendak semasa pendidikan tinggi. Keberkesanan ini telah membentuk budaya semakan kurikulum yang terancang dan responsif, serta memperkukuh pemilikan akademik dalam kalangan pensyarah.

FSR turut membudayakan pendekatan PdP inovatif menerusi **integrasi kaedah 21st Century Learning dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)**. Pelaksanaan **Blended Learning, pengajaran kolaboratif, Massive Open Online Courses (MOOC)** serta penerapan teknologi digital dalam PdP kini menjadi norma dalam kalangan pensyarah. Pembudayaan ini disokong melalui latihan berterusan, perkongsian amalan terbaik, dan pemantauan keberkesanan oleh pihak fakulti.

Tahap pembudayaan yang tinggi turut terserlah melalui penglibatan aktif pensyarah FSR dalam pelbagai platform luar UiTM, khususnya pertandingan inovasi pengajaran dan penyelidikan seperti **International Invention, Innovation and Design Exposition (IIDEX), eConDev, Innofest**, dan pelbagai simposium serta persidangan kebangsaan dan antarabangsa. Penyertaan ini bukan sahaja mencerminkan kesungguhan fakulti dalam meningkatkan kualiti PdP, malah memperluas impak amalan terbaik FSR ke peringkat luar universiti.

Secara keseluruhan, FSR telah mencapai tahap pembudayaan PdP yang mantap dan berimpak tinggi, bukan hanya dalam konteks dalaman UiTM, malah turut diiktiraf pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini membuktikan keberkesanan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan secara konsisten, sistematik dan bersifat menyeluruh dalam memastikan kualiti akademik yang cemerlang dan mampan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_O01\\_OB05\\_20252\\_INOVASI P&P.pdf](#)
2. [F0047\\_O01\\_OB05\\_20253\\_INOVASI P&P UPDATED.pdf](#)
3. [F0047\\_O01\\_OB05\\_20254\\_SULAM FSR.pdf](#)
- 4.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **PERANCANGAN STRATEGIK**

Hasil Strategik merangkumi tiga aspek utama, iaitu Pencapaian Perancangan Strategik yang Kompetitif, Keberkesanan Perancangan Strategik dalam Memacu Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), serta Ketampakan Universiti dan Kompetensi Global.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

##### **Level (Tahap):**

Kecemerlangan FSR berpaksikan kepada perancangan strategik universiti selari dengan aspirasi UiTM menuju Globally Renowned University (GRU 2025). Untuk tahun 2024, UiTM mengekalkan tiga Teras Strategik utama iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Sejalan dengan itu, FSR melaksanakan strategi melalui tiga teras khusus, iaitu FSR@Going Global, FSR@Academic Excellence, dan FSR@Postgrad Excellence. Tahap pencapaian menunjukkan perkembangan positif apabila pelbagai indikator utama telah bukan sahaja dicapai, malah ada yang melepasi sasaran. Sebagai contoh, PI005 (projek antarabangsa) berjaya direalisasikan, inbound mobility melonjak kepada 38 pelajar berbanding sasaran 21, outbound mobility memenuhi sasaran dengan 11 pelajar, manakala kadar GOT mencapai 106.3% berbanding sasaran 90%.

##### **Trend (Perkembangan):**

Pencapaian 2024 menunjukkan pola peningkatan berterusan serta transformasi positif. Program antarabangsa melalui MoU/MoA mencatat 24 inisiatif berbanding sasaran asal 14 (171% pertumbuhan). Dalam inovasi kurikulum, dua kursus MOOC dan satu modul mikro-kredensial berjaya dibangunkan sepenuhnya, menggambarkan kesediaan FSR mendukung agenda digitalisasi dan pembelajaran fleksibel. Dalam program pascasiswazah, enrolmen Sarjana tempatan meningkat kepada 128 orang (sasaran 113), manakala PhD tempatan mencapai 18 orang (sasaran 16). Walaupun enrolmen antarabangsa (Masters & PhD) masih di bawah sasaran (32 berbanding 50), keseluruhan trend tetap positif dengan pencapaian konsisten dan peningkatan signifikan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

##### **Comparison (Perbandingan):**

Prestasi FSR 2024 bukan sahaja konsisten tetapi mengatasi rakan setara. Kadar GOT 96%–106.3% jauh lebih tinggi berbanding Universitas Negeri Malang (85%), Universiti Malaysia Sabah (83%), dan UPSI (88%). Perbandingan ini membuktikan keberkesanan strategi FSR dalam melahirkan graduan berkualiti dan kompetitif melalui kurikulum praktikal, integrasi teknologi sukan, bimbingan akademik yang berstruktur, serta hubungan erat dengan industri dan jaringan global. Malah, kerjasama dengan universiti QS Top 300 turut dicapai sepenuhnya, sekali gus memperkukuh reputasi antarabangsa fakulti.

##### **Importance (Kepentingan):**

Pencapaian ini membawa impak yang besar di pelbagai peringkat. Di peringkat jabatan, GOT melebihi 90% serta kejayaan pembangunan kursus digital meningkatkan keyakinan pensyarah, staf, dan pelajar terhadap keberkesanan sistem akademik. Di peringkat universiti, FSR menyumbang secara langsung kepada KPI UiTM melalui pencapaian inbound mobility, MoU/MoA antarabangsa, serta pelaksanaan projek global berimpak tinggi. Pada peringkat nasional, graduan yang menamatkan pengajian tepat pada masanya dan peningkatan enrolmen PhD tempatan membuktikan sumbangan FSR dalam pembangunan modal insan dan penyelidikan berkualiti tinggi. Di peringkat antarabangsa pula, jaringan kerjasama melalui

memberi projek internasional UER yang serta pencapaian bersama universiti QS Top 500 mengukuhkan kedudukan UiTM sebagai institusi rujukan. Keseluruhannya, FSR berjaya mencatatkan Skor 79.6% dengan penarafan 5 Bintang, membuktikan kecemerlangan pelaksanaan strategi yang digariskan serta memperkukuh kedudukan UiTM di peringkat nasional dan global.

Ringkasnya, pencapaian FSR 2024 bukan sahaja menunjukkan tahap (Level) yang konsisten meningkat, trend (Trend) yang positif, kelebihan dalam perbandingan (Comparison) dengan rakan setera, malah kepentingan (Importance) yang menyeluruh kepada jabatan, UiTM, negara, dan antarabangsa.

### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0047\\_HB02\\_20251\\_7.1.2 LEVEL HASIL 1 PERANCANGAN STRATEGIK \(FSR\).pdf](#)

### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0047\\_HB03\\_20252\\_7.1.3 TREN HASIL 1 PERANCANGAN STRATEGIK \(FSR\).pdf](#)

### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0047\\_HB04\\_20253\\_7.1.4 BENCHMARKING HASIL 1 PERANCANGAN STRATEGIK \(FSR\).pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0047\\_HB05\\_20254\\_7.1.5 KEPENTINGAN HASIL 1 PERANCANGAN STRATEGIK \(FSR\).pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

**HASIL OPERASI** (Pemeriksaan Operasi Akademik FSR dan Keberkesanan Operasi Akademik FSR)

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tahun 2024 menyerlahkan kecemerlangan **Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR)** dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui pencapaian konsisten di pelbagai indikator utama. Kejayaan ini terhasil daripada dua hasil operasi utama iaitu **Pemeriksaan Operasi Akademik** dan **Keberkesanan Operasi Akademik** yang dilaksanakan berasaskan tiga teras strategik: *FSR@Going Global*, *FSR@Academic Excellence*, dan *FSR@Postgrad Excellence*. Transformasi PdP berlandaskan konsep **Education 5.0 @ UiTM, 21st Century Learning, IR 4.0 dan ADaB** telah meningkatkan daya saing fakulti serta melahirkan graduan yang holistik, beradab, berfikiran global dan berjati diri kukuh, di samping menyokong agenda pendidikan negara seperti digariskan dalam RMK-12.

Dari aspek **Level**, FSR berjaya mengekalkan prestasi akademik yang tinggi. Graduan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda menunjukkan peratus HPNG >3.0 yang konsisten melepasi sasaran, kadar kegagalan berada di bawah paras 3%, Anugerah Dekan melebihi 10% setiap semester, dan kadar Graduate on Time (GOT) kekal stabil melebihi 90%. Walaupun terdapat sedikit penurunan pada pencapaian Anugerah Naib Canselor dan GOT pada semester tertentu, prestasi keseluruhan tetap kukuh. Pematuhan 100% terhadap **COPPA Bidang 7 (CDL-CQI)** dan keputusan **IDSPA Band 4** selama tiga tahun berturut-turut membuktikan semua program FSR kompetitif serta relevan dengan keperluan semasa.

Dari segi **Tren**, analisis menunjukkan peningkatan positif yang konsisten. Pencapaian akademik seperti HPNG, GOT, Anugerah Dekan serta kadar kelulusan pelajar terus menunjukkan pola stabil ke arah kecemerlangan. Enrolmen pelajar meningkat setiap tahun, manakala kemasukan pelajar cemerlang lepasan SPM menunjukkan pertumbuhan signifikan, menambah keyakinan terhadap daya tarikan FSR sebagai fakulti pilihan utama.

Bagi aspek **Perbandingan (Desktop Benchmarking)**, FSR berada di kedudukan teratas berbanding fakulti sejenis di IPTA lain. HPNG graduan FSR mencecah tahap tertinggi berbanding UKM, UM dan UPSI. GOT Diploma FSR (95.8%) juga mengatasi UM (94%), UKM (93%) dan UPSI (91%). Dari segi enrolmen, FSR mencatat lebih 2,000 pelajar pada 2024, jauh mengatasi universiti lain yang hanya sekitar 1,500–1,800 pelajar. Keputusan ini mengesahkan kedudukan FSR sebagai penanda aras akademik dalam bidang Sains Sukan dan Rekreasi di Malaysia.

Dari sudut **Kepentingan**, pencapaian PdP FSR memberi impak di pelbagai peringkat. Pada tahap fakulti, ia meningkatkan keyakinan pensyarah, staf dan pelajar terhadap keberkesanan sistem akademik. Pada peringkat universiti, ia menyumbang kepada KPI UiTM serta mengukuhkan reputasi institusi. Pada tahap nasional, ia menyokong agenda pembangunan modal insan dengan melahirkan graduan berkualiti tinggi yang memenuhi keperluan industri sukan dan rekreasi. Pada peringkat antarabangsa, FSR meningkatkan visibiliti UiTM sebagai fakulti rujukan dan rakan strategik global. Selain itu, pencapaian ini selari dengan **Sustainable Development Goals (SDG)**, khususnya SDG 4 (*Quality Education*), SDG 3 (*Good Health and Well-Being*), SDG 8 (*Decent Work and Economic Growth*), dan SDG 17 (*Partnerships for the Goals*).

Lebih membanggakan, FSR turut menerima **Anugerah Gangsa Kategori Entiti Akademik** semasa **Persidangan META XXVI di Kuching Sarawak**, pengiktirafan berprestij yang menegaskan lagi kedudukan FSR sebagai entiti akademik yang berimpak tinggi.

Secara keseluruhannya, pencapaian FUF FSR pada tahun 2024 memperlihatkan konsistensi, tren positif, kedudukan benchmarking yang kompetitif, serta impak signifikan di peringkat jabatan, universiti, nasional dan antarabangsa. Kejayaan ini menegaskan peranan FSR sebagai peneraju akademik dalam bidang sukan dan rekreasi, sekali gus memperkukuh reputasinya sebagai fakulti rujukan dalam pendidikan tinggi di Malaysia.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0047\\_HB02\\_20251\\_7.2.2\\_LEVEL\\_HASIL\\_2\\_OPERASI\\_\(FSR\)\(1\).pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0047\\_HB03\\_20252\\_7.2.2\\_Tren\\_Hasil\\_2\\_Operasi\\_\(FSR\)\(2\).pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0047\\_HB04\\_20253\\_7.2.4\\_Perbandingan\\_HASIL\\_2\\_Operasi\\_\(FSR\).pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0047\\_HB05\\_20254\\_7.2.5\\_KEPENTINGAN\\_HASIL\\_2\\_OPERASI\\_\(FSR\).pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

HASIL DARI TUMPUAN SUMBER MANUSIA (Kompetensi pensyarah & pembangunan kapasiti akademik, Peningkatan kualiti PdP & kebolehpasaran graduan dan Reputasi fakulti/institusi di peringkat nasional & antarabangsa)

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil tumpuan sumber manusia memainkan peranan penting dalam memperkukuh kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR). Analisis berdasarkan tahap (level), tren, perbandingan (benchmarking) dan kepentingan membuktikan bahawa FSR berjaya mengekalkan pencapaian cemerlang serta memberi impak langsung kepada PdP.

Dari aspek **level**, pencapaian FSR menunjukkan konsistensi tinggi bagi indikator utama sumber manusia. Semua sasaran staf dengan pengalaman industri  $\geq 3$  tahun berjaya dicapai sepanjang 2022 hingga 2024, membuktikan keberkesanan strategi fakulti dalam memastikan PdP bersandarkan amalan industri sebenar. Aktiviti ESI-iDART juga dilaksanakan mengikut sasaran setiap tahun, melahirkan budaya kerja berimpak tinggi yang menyokong pensyarah lebih kompeten. Walaupun sasaran staf berkelayakan PhD pada 2024 tidak tercapai akibat persaraan, strategi menghantar staf menyambung pengajian PhD telah mengekalkan pembangunan akademik secara berterusan. Selain itu, bilangan staf yang terlibat dengan syarikat global/universiti terkemuka menunjukkan peningkatan positif, manakala keahlian staf dalam badan profesional kebangsaan dan antarabangsa meningkat ketara sehingga melepasi sasaran pada 2024. Kehadiran staf akademik antarabangsa dan indeks kebahagiaan staf yang stabil pada 76% turut memperkukuh motivasi, kesejahteraan serta keberkesanan PdP.

Dari sudut **tren**, analisis menunjukkan perkembangan yang konsisten dan positif. Staf berpengalaman industri menepati sasaran setiap tahun, memperlihatkan budaya akademik yang kukuh dan relevan. Aktiviti ESI-iDART meningkat secara stabil, menggambarkan komitmen fakulti dalam memperkasakan nilai UiTM2025. Peningkatan bilangan staf berdaftar PhD yang konsisten juga menunjukkan usaha berterusan fakulti dalam memperkukuh kepakaran akademik. Selain itu, tren keahlian badan profesional melonjak drastik dari 18 staf (2022) kepada 64 staf (2024), membuktikan penglibatan aktif staf dalam jaringan akademik dan industri yang memberi nilai tambah kepada PdP. Kehadiran staf akademik antarabangsa yang melepasi sasaran pada 2024 serta pencapaian indeks kebahagiaan yang stabil turut menyumbang kepada keberkesanan PdP melalui motivasi dan persekitaran kerja positif.

Dari perspektif **perbandingan**, FSR berada pada tahap tertinggi berbanding fakulti lain. Dalam aspek staf berpengalaman industri  $\geq 3$  tahun, FSR mencatat 100% berbanding ACIS (80%) dan Fakulti Perakaunan (91%). Dari segi staf akademik antarabangsa, FSR mencapai 100% berbanding MC – Fakulti Komunikasi & Pengajian Media (50%) dan ED – Fakulti Pendidikan (50%). Keputusan ini membuktikan kelebihan FSR dalam membangunkan sumber manusia berimpak tinggi yang bukan sahaja relevan dengan industri, tetapi juga berdaya saing di peringkat global.

Akhirnya, dari sudut **kepentingan**, hasil sumber manusia FSR memberi impak di semua peringkat. Pada peringkat jabatan, ia menjamin PdP yang praktikal, relevan dan berkesan. Pada peringkat UiTM, ia menyumbang kepada KPI universiti dan memperkukuh reputasi institusi melalui staf PhD, keahlian badan profesional dan staf antarabangsa. Pada peringkat nasional, ia menyokong agenda pembangunan modal insan dengan melahirkan graduan kompeten dan holistik. Pada peringkat antarabangsa, keterlibatan staf dalam jaringan global dan kolaborasi antarabangsa memperkayakan PdP serta menjadikan graduan FSR lebih kompetitif di pasaran global .

**Kesimpulannya**, hasil tumpuan sumber manusia FSR menunjukkan prestasi konsisten dari segi tahap, tren positif yang berterusan, kedudukan benchmarking yang kukuh berbanding fakulti lain, serta kepentingan menyeluruh di peringkat jabatan, universiti, nasional dan antarabangsa. Kejayaan ini menegaskan peranan FSR sebagai fakulti rujukan dalam bidang sains sukan dan rekreasi yang mampu menyokong PdP berdaya saing dan bertaraf global.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0047\\_HB02\\_20251\\_7.3.2 LEVEL HASIL 3 SUMBER MANUSIA \(2\) \(FSR\).pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0047\\_HB03\\_20252\\_7.3.3 TREN HASIL SUMBER MANUSIA \(FSR\).pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0047\\_HB04\\_20253\\_7.3.4 PERBANDINGAN HASIL 3 SUMBER MANUSIA \(FSR\).pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0047\\_HB05\\_20254\\_7.3.5 KEPENTINGAN HASIL 3 SUMBER MANUSIA FSR.pdf](#)